

JENDELA

ALUAN DARIPADA KETUA PUSTAKAWAN



*Pn. Sofiah Hashim
Ketua Pustakawan*

Terlebih dahulu marilah kita sama-sama memanjat kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana atas limpah dan kurniaNya kita dapat melangkah masuk ke tahun 2006. Sukacita saya mengucapkan salam sejahtera kepada semua warga Perpustakaan USM.

Saya berharap kehadiran saya sebagai Ketua Pustakawan ke-6 akan disertai dengan azam yang bertambah kuat dan bersemangat untuk kita bersama-sama mencorak pembangunan modal insan Perpustakaan yang utuh dan mantap demi kesejahteraan

Perpustakaan.

Merening kembali kepada usaha-usaha yang telah dijalankan sepanjang tahun 2005, saya percaya telah banyak penambahbaikan yang telah dijalan oleh perpustakaan untuk memenuhi jangkaan pelanggan kita. Komitmen Perpustakaan kepada pelanggan semakin terserlah melalui amalan yang dijanjikan dalam Piagam Pelanggan dan Pensijilan ISO 9001-200.

Dengan pelancaran RMK9, ruang untuk penambahbaikan akan lebih luas dan diharapkan kita dapat mengambil peluang ini untuk membawa Perpustakaan ke peringkat yang lebih cemerlang. Antara agenda yang akan diberi penekanan adalah pembangunan modal insan yang akan memainkan peranan besar di dalam menentukan prestasi dan tahap pencapaian Perpustakaan.

Dalam konteks yang lebih luas, modal insan mencorak hala tuju sesebuah organisasi itu ke arah wawasan yang disasarkan. Wawasan universiti kita ialah

mencapai taraf sebagai universiti penyelidik dan kita sudahpun menerima status itu. Kini kita harus berjalan seiring universiti untuk menjadi Perpustakaan Penyelidik yang terbilang.

Pembangunan modal insan merangkumi pembentukan tenaga kerja manusia yang berilmu, berakhlak, berkemahiran, berdaya saing dan berdaya tahan. Proses ini tentunya menuntut ketabahan, perancangan yang teliti dan usaha berterusan.

Jadi, kita harus menggembungkan segala sumber yang ada untuk mencapai tahap kecemerlangan yang diiktiraf.

Diharapkan program pembangunan modal insan dan penambahbaikan di dalam pentadbiran dan perkhidmatan dapat merealisasikan sasaran Perpustakaan USM sebagai Perpustakaan Penyelidikan yang terbilang. Marilah kita bersama-sama berusaha ke arah pencapaian matlamat tersebut. Salam hormat.



USM

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

www.lib.usm.my



MS ISO 9001:2000 REG. NO. AR 2448

BERILMU, AMANAH, PROGRESIF

PATAH TUMBUH HILANG BERGANTI

Edisi Jendela kali ini adalah yang ke-5 di bawah pimpinan Ramli Abdul Samad. Masa berlalu begitu cepat dan Jendela edisi akan datang akan diusahakan oleh Ketua Editor baharu. Ketua Editor Jendela kini akan bersara pada tahun hadapan.

Izinkan saya mengungkapkan perasaan menghasilkan lima edisi Jendela. Saya merasa amat gembira kerana dapat mencurahkan tenaga dan masa dengan semangat sukarela terhadap pengeluaran buletin Perpustakaan. Untuk berlaku adil kepada anggota lain dalam sidang editorial, saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan syabas kerana mereka juga mempamerkan semangat yang tidak kurang hebatnya. Mereka membuat kerja tanpa banyak kerengah meskipun mereka mempunyai tanggungjawab terhadap kerja hakiki. Mereka harus dipuji kerana tidak menerima sebarang habuan dalam penghasilan Jendela di bawah pimpinan saya.

Siapa yang pernah membuat kerja seumpama menghasilkan sebuah buletin pasti akur bahawa membuat kerja-kerja itu apatah lagi dengan baik, bukanlah suatu aktiviti yang mudah. Membuat buletin banyak kerengah tak banyak songeh tetapi kepuasan yang diraih adalah menggembirakan.

Jendela ialah sebuah buletin yang merakam pelbagai aktiviti Perpustakaan. Dalam hubungan itu Perpustakaan pun telah mengalami perubahan pucuk pimpinan. Sedia maklum Perpustakaan selama 35 tahun sejak penubuhannya telah mempunyai lima Ketua Pustakawan. Ketua Pustakawan terbaharu Puan Sofiah Hashim telah menggantikan Datin Masrah Haji Abidin, Ketua Pustakawan ke-4 yang telah bersara mulai 13 Mac 2006 lalu. Maka proses kepimpinan seperti yang pernah berlaku kepada empat Ketua Pustakawan sebelum ini telah berjalan lancar. Kata pepatah, 'patah tumbuh, hilang berganti'.


Proses yang serupa tetapi pada tahap dan status yang lain akan pasti berlaku. Semua staf sama ada suka atau tidak akan melepaskan jawatannya pada suatu hari untuk diganti dengan staf baharu. Tiada siapa yang boleh menafikan.

Peristiwa penting yang kita lalui dalam memperengkap kerjaya kita adalah amat penting. Jendela tidak mungkin dapat merakam semuanya dalam sajian kali ini. Namun Jendela memuatkan mana yang sempat diterima. Jendela juga mempunyai batasan, iaitu tidak mungkin dapat memenuhi semua cita rasa pembacanya.

Saya ingin memetik pantun klasik untuk mengakhiri bicara editorial ini

*kalau ada jarum yang patah,
jangan disimpan di dalam peti;
kalau ada silap dan salah,
jangan disimpan di dalam hati.*

Salam mesra dari saya.



MENARIK DI DALAM

- Laporan CONSAL XIIIth General Conference 4-5
- Tiket dua hala Penang-Belgium-Penang 8-9
- Bulan Membaca Julai 2006 10-11
- Latihan Sangkut di University of Queensland Library, Brisbane, Australia 16-17
- Kritik & Kritikan 19
- AUNIL0 2006 20-21
- Program Pangkalan Data Bulan Ini 22-23
- ADIKOMPUTER IBM 24
- Transkripsi 26-27
- Kunjungan dari Belgium 30
- Latihan Sangkut PSZ, UTM 32-33
- Pengkisahan Koleksi Sasterawan Negara: Profesor Muhammad Haji Salleh 36-37
- Gejala Spam Terus Meningkat 38-39



PELAWAT DARI NORWAY

Pada 28 November 2005 dua orang staf akademik dari Norway telah melawat Perpustakaan Hamzah Sendut. Mereka ialah Profesor Sylvia Encheva dari Stord/Haugesund University College dan Encik Sharil Tumin, Ketua Jurutera Jabatan IT, University of Bergen. Mereka diiringi oleh Profesor Madya Dr. Azman Samsudin, Timbalan Dekan PP Sains Komputer. En Ramli Abdul Samad telah membawa mereka ke koleksi Sains Komputer termasuk di rak terbuka, kawasan jurnal, Bahagian Rujukan dan kawasan Majalah Terkini.

Ketiga-tiga pelawat itu berminat dengan koleksi sains komputer yang dimiliki Perpustakaan. Mereka membuat perbandingan bahawa koleksi mereka di perpustakaan Norway mengenai sains komputer agar sama, namun mereka lebih menekankan jurnal.

Mereka turut gembira dengan khabar bahawa Perpustakaan melanggan pangkalan data jurnal dalam talian. Malahan dalam lawatan mereka mengulas bahawa langganan Perpustakaan terhadap jurnal dalam talian amat mengagumkan mereka. Mereka akan datang lagi ke Perpustakaan dalam lawatan mereka ke USM di masa hadapan.

PUSTAKAWAN DAN RMK-9

Pada 21 Jun 2006 di Bilik Pelbagaiguna di Perpustakaan Hamzah Sendut 2 telah berlansung satu aktiviti bengkel percambahan mental. Hampir semua pustakawan dari Perpustakaan Induk, Pembantu Perpustakaan Kanan, Pegawai Perpustakaan dan sebahagian pustakawan dari Perpustakaan Cawangan Kejuruteraan telah bertungkus-lumus sehari membicarakan akan penyertaan mereka dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Bengkel ini adalah lanjutan daripada bengkel yang telah dibuat pada 21-23 Februari 2006 di Sri Mutiara, The City Bayview Hotel, Pulau Pinang dulu. Bengkel dulu membincang perihal perancangan strategik perpustakaan dalam mengharungi masa depannya. Pelbagai konsep seperti pengurusan sumber maklumat, pembangunan fizikal, kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), perpustakaan sejahtera, pengurusan penyebaran ilmu dan akhirnya pengurusan pentadbiran dikupas dan dimurnikan. Pustakawan mendapat ide yang lebih jelas akan keperluan-keperluan baharu dalam menghadapi senario RMK-9. Mereka berbengkel dan berjaya menghasilkan satu draf untuk menjadi panduan untuk bertindak dan bersedia menghadapi keperluan dan cabaran RMK-9.

PENGIKTIRAFAN USM TERHADAP SDR. RAMLI ABDUL SAMAD

Oleh: Wartawan Jendela

Sdr. Ramli Abdul Samad (RAS) kebetulan juga Ketua Editor Jendela mempunyai pengalaman menulis. Beliau mempunyai sekurang-kurangnya 600 rencananya baik yang bersifat akademik mahupun separa akademik yang telah tersiar di pelbagai media massa. Beliau pernah dianugerahi *Sanggar Sanjung USM* pada tahun 2002. Beliau pun telah menjadi salah seorang penyumbang kepada buku mewah *University in a Garden* terbitan Penerbitan USM. Pada 29 Jun lalu beliau diminta menjadi pemudahcara oleh Unit Latihan, Jabatan Pendaftar bagi tajuk "Menulis Untuk Masyarakat Umum" kepada lebih kurang 25 staf akademik Gred DS45 pada Kursus Penilaian Tahap Kecekapan PTK 3 (Akademik). Baru-baru ini beliau dipilih sebagai salah seorang ahli Jawatankuasa Buku Sejarah Penubuhan USM. Pada 28 Julai lalu RAS memberi bengkel kepada 20 staf USM untuk memulakan sebuah buletin jabatan di Bilik Latihan, Institut Pengajian Siswazah.





Laporan CONSAL XIIIth General Conference, 25-30 Mac 2006, Hotel EDSA Shangri-La, Manila, Filipina

Oleh: Pn. Che Norma Bt. Bahri,
Timbalan Ketua Pustakawan

Pengenalan

Congress of Southeast Asian Librarians (CONSAL) telah ditubuhkan pada tahun 1970 sebagai tindakbalas kepada semangat identiti Asia Tenggara dalam kalangan pustakawan dan profesion maklumat di rantau ini. Keahlian CONSAL terdiri daripada persatuan pustakawan/perpustakaan nasional dan perpustakaan negara dalam kalangan negara ASEAN. Negara ASEAN terdiri daripada Brunei, Filipina, Indonesia, Kemboja, Laos, Malaysia, Myanmar, Thailand, Singapura dan Vietnam. Persidangan CONSAL diadakan setiap 3 tahun bertempat di setiap negara ASEAN mengikut putaran giliran.

CONSAL XIIIth General Conference yang bertemakan "CONSAL at the crossroads: challenges for greater regional cooperation" telah berlangsung pada 27-30 Mac 2006, di Manila, Filipina. Persidangan tersebut padat dengan program 3 hari persidangan dan ½ hari lawatan. Persidangan telah dihadiri oleh lebih kurang 2,000 peserta walaupun jangkaan penyertaan hanya 800 peserta. Penganjur, iaitu *Philippine Librarians' Association, Inc.*, *Philippine National Library* dan *CONSAL XIII Executive Board/Organising Committee* telah dapat menangani keadaan dengan baik walaupun Hotel EDSA Shangri-La

dibanjiri peserta persidangan yang jumlahnya diluar dugaan.

Program Persidangan

Program Persidangan selama tiga (3) hari mengandungi:

(1) Plenary Session on Resource Sharing

Lapan (8) kertas kerja telah membicarakan tentang perkongsian sumber dan maklumat, khususnya dalam persekitaran digital. Di antara kertas kerja yang menarik adalah "A 1-year qualitative analysis of libraries in Southeast Asia: commonalities, challenges, and opportunities for regional cooperation" oleh John Hickok, *Librarian/Facilitator, California State University*. Kertas kerja ini hasil daripada kaji selidik penulis dalam jangka lawatannya ke sepuluh negara di Asia Tenggara yang mengambil masa setahun. Data yang dibentangkan termasuk kelengkapan/fasiliti, perkhidmatan, penggunaan teknologi dan cabaran yang dihadapi dari segi belanjawan, sumber manusia, literasi, imej pustakawan, dsb. Untuk Perpustakaan di Malaysia, antara cadangannya adalah supaya program literasi maklumat dipertingkatkan lagi, khususnya di peringkat pra-universiti. (Nota: Hickok tidak berkesempatan melawat Perpustakaan Universiti Sains Malaysia semasa beliau berada di Malaysia.)

(2) Plenary Session on Preservation, Conservation and Copyright

Enam (6) pembentangan telah membicarakan tentang keperluan

pemeliharaan dan pemuliharaan khazanah negara termasuk projek usahasama di kalangan negara Asia Tenggara. Dua (2) kertas kerja adalah mengenai undang-undang hak cipta dan harta intelek di negara Myanmar dan Filipina.

(3) Parallel Session on Library Profession

Empat (4) pembentangan telah membicarakan mengenai pembangunan sebuah kursus kepustakawanan digital, *professionalisation* pustakawan Filipina, transformasi kepustakawanan di Jepun dan garispanduan IFLA/UNESCO untuk pembangunan Perpustakaan awam.

(4) Parallel Session on Library Education

Dua (2) kertas kerja telah dibentangkan mengenai pengajian maklumat di peringkat Sarjana dan cadangan buku teks tentang *comparative librarianship* yang serupa digunakan di Asia Tenggara. Dua (2) lagi adalah mengenai literasi maklumat, satu meliputi program yang dijalankan oleh Perpustakaan akademik ASEAN University Network dan satu bertajuk: "How do you integrate information literacy into undergraduate course work?" oleh Kaaren Hiyama, *Asian Languages Librarian, University of Auckland*. Hiyama melaporkan tentang usaha mengintegrasikan literasi maklumat ke dalam kursus siswa. Teknik bilik darjah dan latihan diguna untuk memupuk kemahiran pelajar dalam mencari dan menilai maklumat.

Padanya literasi maklumat adalah projek seluas kampus yang memerlukan penglibatan semua pihak dan "it is strategically important to develop a strong library culture of information literacy education".

(5) Parallel Session on Training and Development

Dua (2) kertas kerja telah membincangkan tentang latihan dan pembangunan pustakawan sementara satu (1) mengenai kemahiran ICT guru dan satu (1) tentang peranan NGO di Indonesia dalam memupuk kebebasan maklumat.

(6) Avant Garde Sessions

Dua belas (12) pembentangan telah dibuat yang merangkumi pelbagai topik seperti perpustakaan digital dan pengurusan sumber digital, *web archiving*, penerbitan e-buku, peluang pekerjaan bukan tradisi untuk profesional maklumat dan pengetahuan, *Philippine e-Library*, projek sumber pembelajaran, pembangunan koleksi jurnal dalam talian, pembangunan pusat sumber HIV/AIDS berasas web, sistem ilmu dan kesihatan di Filipina, cabaran mengakses maklumat sains dan teknologi dan *Blogging 101* untuk pustakawan.

Program Lawatan

Pilihan program lawatan adalah ke Perpustakaan Negara Filipina, perpustakaan akademik dan sekolah serta Perpustakaan awam sekitar Metro Manila. Lawatan juga termasuk ke badan-badan warisan/sejarah, seni dan kebudayaan.

Saya telah berpeluang melawat Perpustakaan Negara Filipina dan paling menarik adalah dapat melihat faksimile dua buku asal tulisan tangan wira Negara Filipina, Jose Rizal. Seperti kita sedia maklum, *Noli Me Tangere* dan *sequel*/anjutannya *El Filibusterismo* adalah novel satira yang

Pembentangan Kertas Kerja dari Malaysia

Dari sejumlah 40 kertas kerja yang dibentangkan (kebanyakannya oleh Pustakawan atau Pensyarah Sains Perpustakaan dan Maklumat), terdapat 7 pembentangan yang dibuat oleh peserta Malaysia seperti berikut:

No.	Tajuk Kertas Kerja	Pembentang	Institusi/Organisasi
1	<i>Collaboration in resource sharing among Malaysian academic libraries in a digital environment</i>	Harvinder Kaur, Kiran Kaur & Diljit Singh	Universiti Malaya
2	<i>Sarawak heritage</i>	Rashidah Bolhassan	Pustaka Negeri Sarawak
3	<i>Information literacy programmes in the ASEAN University Network: an overview of methodology and achievement</i>	Che Norma Bahri & Rizalawati Ayu Abdul Razak	Universiti Sains Malaysia
4	<i>Investigating into information and communication technology skills in electronic information environment of teachers</i>	Mohan Palaniandy	Maktab Perguruan Batu Pahat
5	<i>Training of Librarians: styles and strategies</i>	Salmah Abdullah	Universiti Putra Malaysia
6	<i>Strategizing librarians as human capital: a way forward for national development</i>	Shahar Banun Jaafar	Universiti Islam Antarabangsa
7	<i>Effective management of digital resources in Malaysian academic libraries</i>	Putri Saniah Megat Abdul Rahman & Maimunah Abdul Kadir	Universiti Kebangsaan Malaysia

mendedahkan keangkuhan dan kezaliman pemerintahan paderi Sepanyol serta menyumbang kepada kebangkitan semangat nasionalisme Filipina.

Rumusan

Persidangan CONSAL kali ini sangat berjaya dari segi penyertaan yang paling ramai sehingga kini. Selain dapat mengemaskini maklumat dan pengetahuan mengenai bidang kepustakawanan amnya, peserta juga dapat mengenali dengan lebih dekat perkembangan perpustakaan dan pusat maklumat di rantau ini secara khususnya. Di samping itu kita

dapat mengenali jiran sewilayah, khususnya yang serumpun, dengan lebih mesra lagi.

Setiap Pustakawan perlu diberi peluang menghadiri Persidangan CONSAL sekurang-kurangnya sekali sebagai peserta supaya dapat menjalin perangkaian profesionalisme di kalangan pustakawan serantau. Walau bagaimana pun penyertaan sebagai pembentang kertas kerja perlu digalakkan seberapa banyak kali yang boleh supaya tahap profesionalisme Pustakawan dapat dipertingkatkan di peringkat wilayah Asia Tenggara dan antarabangsa.

RAHSIA GAYA HIDUP SIHAT

Banyak orang yang mengeluhkan keadaan kulit dan wajah mereka yang tampak lebih tua daripada umur sebenarnya.

Untuk mengatasi masalah ini, ada 7 rahsia agar anda tetap nampak awet muda:

1. Selalu merasa bahagia

Merasa bahagia adalah salah satu daripada kunci utama agar tetap kelihatan awet muda. Dalam setiap kegiatan, usahakan agar apa yang anda lakukan sesuai dengan apa yang anda inginkan. Hindari stres, perasaan bersalah dan tertekan kerana paksaan orang lain. Ingat apa yang anda rasakan akan tercermin pada wajah anda. Jadi, orang yang sedang bahagia, wajahnya akan terlihat berseri-seri, santai dan lebih muda daripada usia sebenarnya.

2. Banyak Bergerak

Berolahraga adalah suatu kegiatan yang boleh menyumbang kepada awet muda. Lakukan aktiviti seperti jogging, jalan cepat, berbasikal mahupun berenang sekitar 30 minit setiap hari. Dengan olahraga, risiko terkena serangan jantung, osteoporosis, dan kanser pun akan berkurangan. Olahraga teratur dapat menambah keluwesan otot, memperkuat tulang, serta mengurangi stres, kerana sel-sel tubuh mendapat lebih banyak oksigen.

3. Pengambilan Vitamin C

Vitamin C boleh anda peroleh dari buah-buahan segar (terutama jeruk), sayur-mayur berwarna hijau (brokoli dan lain-lain) atau suplemen vitamin C sebanyak 1000 mg sehari. Vitamin C terbukti boleh meningkatkan daya tahan tubuh, mengurangi risiko terkena kanser dan melindungi tubuh dari kesan yang ditimbulkan oleh pencemaran. Di samping itu, banyak minum air putih 8 gelas se hari akan mengurangi

stres, menjaga kesegaran kulit, serta memperlancar kerja organ tubuh.

4. Gunakan Pelindung Ultraungu

Matahari adalah salah satu faktor utama penyebab penuaan awal. Oleh kerana itu, gunakan selalu losen pelembab secara teratur setiap hari, khususnya bila akan keluar dari rumah, agar kulit tetap segar, lembab dan tidak terbakar sinar matahari, terutama sinar ultraungu.

5. Istirahat Cukup

Manusia memerlukan sekurang-kurangnya 8 jam setiap hari untuk tidur. Istirahat cukup bermanfaat untuk menghindari terbentuknya kantung mata, kulit keriput dan wajah muram.

6. Perhatikan Penampilan

Penampilan dan tatarias wajah juga memainkan peranan penting. Meski usia terus bertambah, harus perhatikan jenis kosmetik yang anda pakai. Gunakan *make-up* tipis untuk kesan alami dengan tetap memperhatikan keadaan dan jenis kulit anda.

7. Optimis

Orang yang pesimis selalu tidak percaya diri sendiri, mudah putus asa, dan tidak pernah memperhatikan penampilan, yang boleh berakibatkan kemurungan. Jadi, berusaha menjadi orang yang optimis dalam segala hal, sebab ini akan membuat hidup anda akan lebih sihat dan bahagia.



Poco-Poco


Poco-Poco adalah sejenis tarian yang berasal dari orang Minahasa di Sulawesi. Langkah dan gerakannya dikatakan diilhamkan dari aktiviti pertanian seperti membajak sawah, menanam padi, memetik cengkih dan sebagainya. Tarian ini yang diadunkan dalam senamrobik cukup popular di Indonesia sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Ia menjadi tarian popular semasa majlis perkahwinan, harijadi dan perayaan kemerdekaan. Datin Masrah Hj Abidin telah memperkenalkan poco-poco kepada Perpustakaan. Dalam majlis tertentu pihak Perpustakaan turut mempersembahkan tarian poco-poco ini.



Poco-poco dipersembahkan pada ICOL 2005

SENARAI LANTIKAN STAF PERPUSTAKAAN BAHARU & KENAIKAN PANGKAT JANUARI 2006—OGOS 2006

BIL.	NAMA	JAWATAN	TARIKH LAPOR	TEMPAT BERTUGAS
1.	En. Hishammudin Endan	Pemb. Perpustakaan S17	1/1/2006	Pentadbiran dan Perkhidmatan Pusat, PHT
2.	En. Ahmad Termizi Najamuddin	Pemb. Perpustakaan S17	3/1/2006	Bhg. Latihan, PHS
3.	En. Dzul Hilmi Abdullah	Pemb. Perpustakaan S17	3/1/2006	Perpustakaan, P. Islam
4.	En. Mohamad Roshidi Abdullah	Pemb. Am Rendah N1	2/3/2006	Bhg. Perkhid. Pembaca, PHS
5.	En. Saiful Akmal Asmani	Pemb. Am Rendah N1	2/3/2006	Bhg. Bersiri, PHS
6.	En. Md. Raffizan Ishak	Pemb. Am Rendah N1	14/3/2006	Bhg. Perkhid. Pembaca, PHS
7.	Pn. Sofiah Hashim	Pustakawan S54	14/3/2006	Pejabat Ketua Pustakawan, PHS
8.	En. Kamarul Hisham Kamaruz`zaman	Pemb. Am Rendah N1	15/3/2006	Bhg. Perkhid. Pembaca, PHS
9.	En. Yeoh Chooi Soon	Juruteknik J17	24/4/2006	Bhg. Automasi, PHS
10.	En. Noor Zuryanti Umar Zuki	Pemb. Tadbir Rendah N11	2/5/2006	Bhg. Perkhid. Pembaca, PHS
11.	En. Adnan Sharif	Pustakawan S44	1/7/2006	Perpustakaan, IPPT
12.	En. Habsah Abdul Rahman	Pustakawan S44	1/7/2006	Bhg. Latihan, PHS
13.	En. Noordin Ahmad	Pemb. Am Rendah N4	1/7/2006	Bhg. Perkhid. Pembaca, PHS
14.	En. Mohamad Shaharom Husain	Pemb. Perpustakaan S17	1/7/2006	Bhg. Perolehan, P. Kej.
15.	En. Mohd. Fathullah Zulkeply	Juruteknik J17	15/7/2006	Bhg. Media & Automasi, P. Kej.
16.	En. Firdaus Mohamad	Pemb. Perpustakaan S17	17/7/2006	Perpustakaan, P. Islam
17.	En. Noramin Aman Noor Han	Pemb. Perpustakaan S17	17/7/2006	Perpustakaan, IPPT
18.	En. Rosli Ismail	Pemb. Perpustakaan S17	17/7/2006	Bhg. Perkhid. Media, PHS
19.	En. Rozaiman Redzuan	Pemb. Perpustakaan S17	17/7/2006	Bhg. Perkhid. Pembaca, PHS
20.	En. Zulfadzli Zainal	Pemb. Perpustakaan S17	17/7/2006	Bhg. Proses Teknik, PHS
21.	En. Mohd. Kamal Mohd. Napiah	Pemb. Perpustakaan S17	31/7/2006	Bahagian Proses Teknik, PHT
22.	En. Norazram Nordin	Pemb. Perpustakaan S17	1/8/2006	Bhg. Malaysiana & Arkib, PHS
23.	En. Sharil Karim	Pemb. Pemuliharaan S17	1/8/2006	Bhg. Malaysiana & Arkib, PHS
24.	Cik Tuan Sira Zawana Tuan Yaakub	Pustakawan S41	1/8/2006	Bhg. Proses Teknik, PHS (dalam Latihan)
25.	En. Shahriza Fadly Misaridin	Pustakawan S41	14/8/2006	Bhg. Proses Teknik, PHS (dalam Latihan)





Tiket dua hala Penang-Belgium-Penang

Oleh: Ramlah Ibrahim

Sewaktu rakyat Malaysia membuat persiapan menyambut ulangtahun kemerdekaan ke-47, saya pula membuat persiapan berangkat ke Belgium untuk menghadiri kursus kepustakawanan selama tiga minggu. Ianya merupakan sebahagian program pembangunan kursus *Master in International and Diplomatic Studies (European Integration)* yang diuruskan oleh Pusat Kajian Antarabangsa (PKA), Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, USM. Program ini ditaja oleh *European Union* dengan kerjasama USM.

Perjalanan yang bermula pada 31 Ogos 2004 dari KLIA mengambil masa hampir 13 jam untuk tiba di London Heathrow Airport, salah sebuah lapangan terbang tersibuk di dunia. Mujurlah ada siaran filem-filem menarik untuk ditonton menghilangkan jemu. Dari London, penerbangan disambung selama dua jam lagi ke Brussels. Sebaik sahaja mendarat, keterasingan mula dirasai kerana bahasa Inggeris bukan lagi bahasa utama. Semua tanda arah dimulai dengan bahasa Perancis, diikuti dengan bahasa Belanda (*Flemish*) dan barulah bahasa Inggeris.

Latihan saya dimulakan dengan lawatan ke sekitar Bruges, bandar tempat saya tinggal dan College of Europe (CoE), tempat

latihan saya. Latihan kepustakawanan ini juga disertai oleh dua orang pegawai undang-undang dari *Ministry of Integration*, Albania. Saya telah bertemu dengan Professor Kodama Masami, seorang alumni CoE dari Jepun. Beliau datang untuk membuat penyelidikan selama setahun di Eropah. Beliau merupakan salah seorang Asia yang pertama belajar di sini, pakar di dalam bidang pengajian politik Eropah, fasih berbahasa Perancis dan arif tentang Islam. Kami selalu bertukar-tukar pendapat semasa makan tengahari bersama-sama staf dan pelajar CoE.

Sepanjang tiga minggu di Perpustakaan CoE, saya banyak meluangkan masa di bahagian sirkulasi dan *European Documentation Center (EDC)*. Saya suka mendengar celoteh Rene Maeyaert, staf senior sirkulasi, tentang pengalamannya bertugas di bahagian itu. Walaupun beliau orang tempatan, beliau menyatakan bahawa beliau masih merasa teruja melihat perubahan alam sekeliling setiap kali musim bertukar. Saya sempat melihat dedaun bertukar merah keperangan menjelang musim luruh. Sementara itu, Mieke Lieven, staf EDC, banyak mengajar saya tentang perolehan dan pengkatalogan bahan-bahan EDC. Oleh kerana tiada bahan untuk dikatalog, saya mengambil masa beberapa hari untuk memahami E-Clas (*European Classification*) yang digunakannya.

Program latihan ini telah membawa saya melawat beberapa buah perpustakaan institusi-insitusi

utama di Belgium iaitu *European Commission*, *Katholieke Universiteit Leuven (Catholic University of Leuven)* dan *European Parliament*. Perpustakaan *European Commission (EC)* di Brussels adalah khas untuk kegunaan penyelidikan oleh ahli EC. Namun begitu, kedatangan penyelidik luar adalah dialu-alukan. Saya teringat kesukaran kami untuk masuk ke EC kerana pengawal keselamatannya hanya tahu berbahasa Perancis dan Itali sahaja. Beliau terpaksa memanggil rakan setugasnya untuk membantu. Mujurlah rakan-rakan Albania saya fasih berbahasa Itali, lalu menterjemahkan isi kandungan surat rasmi yang kami bawa.

Perpustakaan *European Parliament*, dikenali sebagai *Parliamentary Documentation Centre (PDC)* ialah sebahagian daripada *Directorate-General for Research*.

Fungsi utamanya ialah memberi perkhidmatan maklumat kepada *Members of Parliament*, *Political Groups*, *Committee* dan *Parliament Secretariat* dalam menyokong proses perundangan dan lain-lain fungsi rasmi parliament.

Selepas tamat latihan di EC, saya berkesempatan bersiar-siar di Brussels yang saya rasakan sibuk seperti Kuala Lumpur. Pada sebelah malam, saya telah menghadiri majlis makan malam yang diadakan di kediaman Duta Malaysia ke Belgium. Majlis ini diadakan sempena forum untuk wartawan ASEAN dan pihak kedutaan telah menjemput semua pegawai-pegawai Malaysia yang ada di Brussels. Selain daripada kumpulan wartawan ASEAN, saya juga telah bertemu dengan sekumpulan pegawai Malaysia yang singgah di Brussels dalam perjalanan pulang dari Sierra Leone.

Selepas itu, saya melawat ke *Katholieke Universiteit Leuven (KUL)* yang banyak menyimpan sejarah zaman peperangan. Pada tahun 1914, dewan universiti dan perpustakaan telah dibakar


oleh tentera Jerman dan 300,000 buah buku dimusnahkan. Selepas dibina semula, ia telah dibakar lagi pada tahun 1940 sewaktu Perang Dunia Kedua. Hanya 15,000 daripada 900,000 buah buku dapat diselamatkan. Kini ia mempunyai banyak koleksi utama termasuklah penerbitan KUL, *National Academia*, *Belgian federal* dan *European Union*.

Perpustakaan *European Parliament*, dikenali sebagai *Parliamentary Documentation Centre (PDC)* ialah sebahagian daripada *Directorate-General for Research*. Fungsi utamanya ialah memberi perkhidmatan maklumat kepada *Members of Parliament*, *Political Groups*, *Committee* dan *Parliament Secretariat* dalam menyokong proses perundangan dan lain-lain fungsi rasmi parliament. PDC adalah khas untuk kegunaan dalaman sahaja

dan hanya pelawat khas yang diterima melalui program *Study Visit* sahaja dibenarkan masuk. Saya merasa ralat sedikit kerana tidak dibenarkan mengambil gambar PDC tanpa permohonan bertulis lebih awal. Sudahnya saya membeli beberapa keping poskad untuk kenang-kenangan.

Hasil kursus ini ialah satu kertas kerja cadangan penubuhan EDC di USM yang dapat menyokong pembangunan koleksi khas dibidang pengajian Eropah. Penubuhan ini tertakluk kepada pemberian status oleh *European Commission*. Kertas kerja itu telahpun diserahkan kepada wakilnya (*delegation*) di Kuala Lumpur pada penghujung 2004. Pada masa ini, proses permohonan status EDC sudahpun sampai ke peringkat penilaian oleh *European Commission*.

Bruges, Belgium



Perpustakaan College of Europe



Perpustakaan European Commission



European Parliament





BULAN MEMBACA JULAI 2006

Bangsa Membaca Bangsa Berjaya

Oleh: Rizalawati Ayu Abdul Razak
Pengerusi Bersama
Jawatankuasa Bulan Membaca

Perpustakaan Hamzah Sendut telah menyambut "Bulan Membaca 2006" pada bulan Julai yang lalu. Tema Bulan Membaca untuk tahun ini ialah "Bangsa Membaca Bangsa Berjaya". Sambutan ini diadakan sejajar dengan Kempen Bulan Membaca Kebangsaan yang dianjurkan oleh Perpustakaan Negara Malaysia (PPM). Antara objektif utama program Bulan Membaca diadakan di Perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM) adalah untuk membudayakan dan menggalakkan minat membaca di kalangan pelajar dan staf USM. Selain itu sambutan ini juga diadakan untuk menimbulkan kesedaran di kalangan warga kampus bahawa bulan Julai adalah juga Bulan Membaca Malaysia. Pelbagai program dan aktiviti telah diadakan dari 1 hingga 31 Julai untuk sambutan Bulan Membaca pada tahun ini, antaranya pameran buku, jualan buku dan majalah, bicara karyawan, kuiz teroka minda, minggu bersama pengguna, latihan KRISALIS, sudut pangkalan data ProQuest serta pemakaian lencana Bulan Membaca oleh semua staf Perpustakaan USM sepanjang bulan Julai.

Pameran buku merupakan aktiviti utama yang diadakan sepanjang bulan Julai. Ia telah diadakan di ruang legar Perpustakaan Hamzah Sendut 1 dan 2. Pameran di Perpustakaan Hamzah Sendut 1 menonjolkan pameran buku atau bahan yang telah dirosakkan oleh pengguna Perpustakaan dengan tema "Sayangi Buku, Cintai Ilmu". Ia bertujuan untuk menimbulkan kesedaran di kalangan pengguna Perpustakaan agar mereka harus menjaga buku atau bahan yang dipinjam dari Perpustakaan dengan cermat dan berhati-hati. Jika tidak Perpustakaan kelak terpaksa membelanjakan ratusan ribu ringgit setiap tahun untuk memperbaiki kerosakan tersebut. Bahan rosak menafikan pengguna daripada menggunakannya. Pameran ini juga menonjolkan sebahagian daripada hasil penulisan Naib Canselor USM Malaysia, Profesor Dato' Dzulkifli Abdul Razak serta buku-buku yang dijadikan rujukan ketika beliau menulis buku-buku tersebut. Pameran di Perpustakaan Hamzah Sendut 2 pula menumpukan kepada buku-buku yang

menjadi pilihan ramai atau "bestseller" serta buku-buku mengenai biografi tokoh-tokoh terkemuka.

Penerbit USM dan Karangkrif Sdn. Bhd. telah dijemput untuk membuka gerai jualan buku dan majalah terbitan mereka di hadapan foyer Perpustakaan Hamzah Sendut 1. Kedua-dua gerai jualan tersebut yang menawarkan diskaun untuk pembelian buku dan majalah telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelajar-pelajar yang baru sahaja memulakan pengajian untuk sesi 2006/2007.

Program Bicara Karyawan menampilkan para karyawan yang terdiri daripada pensyarah dan staf USM. Mereka dijemput untuk membicarakan buku-buku yang telah diterbitkan. Kelima-lima sesi Bicara Karyawan telah diadakan di Perpustakaan Hamzah Sendut 1 dalam suasana santai dan telah mendapat sambutan yang memberangsangkan daripada kalangan warga kampus USM. Melalui Bicara Karyawan, khalayak dapat berinteraksi dengan penulis buku-buku itu sendiri dan seterusnya dapat mengambil tandatangan daripada penulis buku berkenaan.



Misalnya pembicaraan *Hikayat Neogenesis*, hasil karya Rahmat Haroun merupakan pembuka tirai program Bicara Karyawan. Novel ini telah dipilih oleh Ramli Abdul Samad, seorang Pustakawan Kanan, Perpustakaan Hamzah Sendut 1 kerana ia membicarakan mengenai kosmologi dan Islam. Robert Raymer, seorang tutor di Pusat Bahasa telah memilih hasil tulisan beliau, *Lovers and Strangers: Revisited* untuk diperkatakan dalam Bicara Karyawan ke-2. *Mysticism and poetry: a hermeneutical reading of the poems of Amir Hamzah* telah menjadi pilihan Profesor Md. Salleh Yaapar sebagai pembicara karyawan ke-3. Sementara itu, Dekan Pusat Pengajian Sains Kajihayat, Profesor Mashhor Mansor telah membicarakan pengalaman peribadi beliau ke Antartika melalui buku bertajuk *Merintis jalan ke Antartika*. Bicara Karyawan yang terakhir disudahi dengan penerangan panjang lebar mengenai sejarah Islam oleh penulis buku *Pertelingkahan para sahabat Nabi S.A.W. : antara ketulenan fakta dan pembohongan sejarah* iaitu Dr. Mohd Asri Zainul Abidin, seorang pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan. Semua hadirin Bicara Karyawan turut diberi penanda buku ketika mereka menghadiri program ini.


Bagi menyedarkan masyarakat kampus mengenai bulan Julai sebagai Bulan Membaca, poster-poster Bulan Membaca dan aktiviti-aktivitinya telah diedarkan di seluruh kampus USM seperti di Pusat Pengajian dan Desasiswa penginapan pelajar. Semua staf Perpustakaan USM telah diberikan lencana Bulan Membaca dan digalakkan untuk memakainya sepanjang masa mereka ketika mereka bertugas terutama bagi staf yang bertugas di kaunter-kaunter perkhidmatan.

Pihak Jawatankuasa juga turut menganjurkan Kuiz Teroka Minda yang dikhususkan untuk pelajar USM. Sebanyak 20 soalan disediakan berkaitan Perpustakaan USM dan Penerbit USM. Pihak Penerbit USM telah bermurah hati menaja 3 hadiah utama dan 10 hadiah suguhati dalam bentuk bawcher buku untuk pemenang-pemenang Kuiz Teroka Minda. Selain itu, latihan KRISALIS yang dikendalikan oleh Unit Pendidikan Pengguna dan Literasi Maklumat, Bahagian Rujukan dan Penyelidikan turut diadakan khusus untuk pelajar-pelajar baharu selama 2 minggu bermula dari 10-21 Julai. Melalui latihan KRISALIS, pelajar-pelajar didedahkan kepada penggunaan katalog Perpustakaan USM, KRISALIS untuk mendapatkan bahan-bahan dalam koleksi Perpustakaan USM.

Pada 24-28 Julai, Perpustakaan Hamzah Sendut telah memperkenalkan "Minggu Bersama Pengguna" yang dianjurkan oleh Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan bersempena Julai sebagai Bulan Membaca. Sepanjang minggu itu, pengguna Perpustakaan diberi diskaun sebanyak 50 peratus apabila mereka membayar denda lewat pemulangan buku. Pengguna Perpustakaan juga boleh mengemaskini rekod keahlian Perpustakaan mereka di kaunter yang dikhaskan sepanjang minggu ini.

Sudut pangkalan data ProQuest pula merupakan aktiviti terakhir Bulan Membaca. Wakil pangkalan data ProQuest dari Kuala Lumpur telah hadir dan membuka kaunter untuk pelajar dan pengguna bertanya dan mendapatkan maklumat mengenai pangkalan data ProQuest. ProQuest merupakan salah satu daripada 25 pangkalan data yang dilanggan setiap tahun oleh Perpustakaan USM. Pengguna Perpustakaan USM yang bertanya kepada kaunter pangkalan data ProQuest akan mendapat cenderahati dari wakil pangkalan data ProQuest.

Walaupun sukar untuk mengukur kejayaan sebenar Bulan Membaca yang telah diadakan selama 30 hari sepanjang Julai pada tahun ini, sekurang-kurangnya kepelbagaian aktiviti yang telah diadakan dapat menyemarakkan lagi budaya membaca di kalangan warga kampus USM dan seterusnya melahirkan "Bangsa Membaca Bangsa Berjaya".



PROGRAM GOTONG ROYONG DAN KITAR SEMULA

"SEMANGAT KESUKARELAAN
ASAS KAMPUS SEJAHTERA"

Laporan oleh: Radia Banu Jan Mohamad
(Ketua, Unit Kampus Sejahtera, Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Perpustakaan)

Pada 6 Januari 2006, Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS) telah turut serta dalam Program Gotong Royong dan Kitar Semula. Program ini dikendalikan oleh Sekretariat Kampus Sejahtera Universiti Sains Malaysia. Di PHS, program ini dilaksanakan dengan kerjasama Unit Kampus Sejahtera dan Jawatankuasa 5S.

Staf Perpustakaan mula melakukan gotong royong seawal jam 8:40 pagi dengan membersihkan kawasan pejabat masing-masing dan mengumpul bahan-bahan yang perlu dilupus atau dikitar semula. Bahan-bahan ini kemudiannya dibawa turun ke bahagian belakang Perpustakaan

untuk proses pengasingan dan diikat agar tidak berseparah. Seterusnya, kutipan dibuat oleh sebuah syarikat yang telah dikenal pasti untuk berada di dalam kampus universiti bagi mengendalikan pengutipan bahan-bahan kitar semula. Menurut data pengumpulan, bahan kitar semula hasil daripada gotong-royong yang telah diadakan, PHS telah mengumpul seberat 564kg bahan untuk dikitar semula dan sebanyak RM105.65 telah diperolehi daripada hasil jualan. Wang tersebut telah dimasukkan ke dalam tabung Wang Ehsan Perpustakaan.


Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua staf yang telah bekerjasama dalam menjayakan program tersebut. Program yang bersifat serampang dua mata ini, bukan sahaja mewujudkan suasana kerja yang bersih dan selesa tetapi dapat mengeratkan hubungan mesra sesama kakitangan di samping memupuk semangat kerjasama yang tinggi. Usaha murni ini harus diteruskan demi kesejahteraan bersama dan diharapkan agar ianya sentiasa mendapat sokongan yang padu dari semua staf Perpustakaan Hamzah Sendut.



PELAJAR ANTARABANGSA DIBERI ORIENTASI PERPUSTAKAAN

Sejumlah 60 pelajar asing di bawah Program Pelajar Pertukaran dan Tanpa Ijazah bagi Semester 2, Sesi Akademik 2005/2006 telah diberi orientasi oleh pihak Perpustakaan pada 19 Disember 2005. Mereka akan mengikuti program di USM mulai dari 19 Disember 2005 hingga 6 Mei 2006. Sebahagian besar dari pelajar dalam kelompok ini adalah dari negara Finland (32), diikuti oleh pelajar dari Jerman (5), Sweden (5), Brunei (3), dan 2 wakil dari Amerika Syarikat, Korea Selatan, Jepun, Kanada dan seorang wakil dari Australia, Switzerland, United Kingdom, Perancis, Belanda, Thailand dan Laos.

Setelah diberi salam "selamat datang" oleh Pemangku Ketua Pustakawan, Datin Hajjah Masrah Abidin, Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan telah memperkenalkan mereka akan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh Perpustakaan sementara Bahagian Rujukan Dan Penyelidikan telah mendedahkan mereka akan cara-cara untuk memanfaatkan lagi sumber maklumat Perpustakaan.



PERPUSTAKAAN HAMDAN TAHIR

(Sumbangan wartawan Jendela dari Perpustakaan Hamdan Tahir)

Tanggal 2 Oktober 2005 merupakan satu tarikh yang sungguh bermakna dan penuh bersejarah bagi Perpustakaan Kampus Kesihatan, Universiti Sains Malaysia (USM). Perpustakaan Kampus Kesihatan dengan rasminya dinamakan sebagai Perpustakaan Hamdan Tahir (PHT).

Upacara perasmian telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Dato' Profesor Dzulkifli Abdul Razak, Naib Canselor USM yang diadakan di Dewan Utama, USM, Kampus Kesihatan, Kelantan. Majlis yang cukup bererti ini telah dihadiri oleh isteri Allahyarham Tun Dato' Seri (Dr.) Haji Hamdan Sheikh Tahir, Yang Berbahagia Toh Puan Dato Seri Utama Hajjah Siti Zainab binti Haji Baharuddin dan keluarga. Beberapa kenalan rapat dan mantan pegawai tinggi Universiti turut hadir.

Pelbagai acara telah diadakan semasa majlis pelancaran perasmian tersebut; antaranya Persembahan Dikir Barat, Ucapan oleh Dato Hajjah Siti Mazenah Saad, Deklamasi Sajak 'Mewarisi Perjuangan' oleh Puan Zurinah Hassan, Persembahan Multimedia 'Jasamu Dikenang' dan Penyerahan Koleksi peribadi Tun Dato' Seri Haji Hamdan Sheikh Tahir kepada Perpustakaan USM oleh Toh Puan sendiri. Upacara menandatangani plak perasmian dan Pameran poster biografi Tun Hamdan turut diadakan di Perpustakaan Hamdan Tahir

Nama Hamdan Tahir diabadikan untuk dipahatkan pada nama Perpustakaan kerana menghargai sumbangan khidmat bakti dan jasa-jasa beliau ketika berkhidmat sebagai Naib Canselor kedua di universiti ini dari tahun 1976 hingga 1982. Dalam tempoh perkhidmatan tersebut banyak sumbangan dan perubahan yang beliau curahkan termasuk mempelopori penubuhan Pusat Pengajian Sains Perubatan dan penubuhan Kampus Cawangan Kelantan.

Majlis Penamaan ini juga secara kebetulan seiring dengan sambutan ulang tahun ke-25 Perpustakaan

Perubatan, USM. Penubuhannya 25 tahun yang lalu bersama-sama dengan pewujudan Pusat Pengajian Sains Perubatan, Perpustakaan telah membangun dengan pesatnya. Walaupun pelbagai halangan dan cabaran telah dihadapi, Perpustakaan telah berjaya mendapat pengiktirafan pensijilan MS ISO 9001:2000, menaiktaraf kelengkapan prasarana ICT, memantap dan mempelbagaikan koleksi dan perkhidmatannya selaras dengan keperluan semasa untuk menyokong pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan di Kampus Kesihatan serta mampu bersaing ke peringkat kecemerlangan.



1. En. **Sithamparam a/l P. Siddalingam** telah bertugas selama 33 tahun dengan Perpustakaan Induk USM. Beliau mulai bekerja sebagai kerani dari tahun 1973 dan bersara sebagai Pembantu Perpustakaan (S17) pada tahun 2006.

2. Puan **Yasmah Mohd. Noor** telah bertugas hampir suku abad dengan Perpustakaan, mulai pada tahun 1981 hingga ke tahun 2004. Beliau meneruskan kerjayanya sebagai seorang penjilid dengan Usains Holdings, iaitu sayap komersial Universiti Sains Malaysia. Kemudian beliau mendapat tawaran bertugas di UiTM, Cawangan Seberang Perai pada Disember 2006.

KETIPAN TERAKHIR



STAF YANG PERNAH BERSAMA PERPUSTAKAAN TETAPI TELAH KEMBALI KE ALAM FANA

Memang benar sungguh kata-kata bijaksana bahawa seseorang tidak mungkin tahu ajal mautnya. Entah esok, lusa atau lama lagi kita boleh dipanggil menghadap Pencipta kita.

Di Perpustakaan terdapat beberapa orang staf yang pernah bertugas dan kini telah meninggalkan alam fana ini.

Encik Mohamad Baba pernah bertugas sebagai kerani mulai tahun 1972 hingga 1985, iaitu selama 15 tahun. Selepas itu beliau ditukarkan ke Jabatan lain. Pada tahun 2001 beliau meninggal dunia akibat penyakit buah pinggang.

Encik Redzuan Ahmat atau dipanggil sebagai 'adik' bekerja sebagai Pembantu Am Rendah (PAR) mulai tahun 1990 hingga tahun 1994. Baru empat tahun bertugas beliau meninggal dunia semasa waktu pejabat ketika menjalankan kerja-kerja penyusunan buku.

Encik Loke Kok Chin sebelum ditukarkan ke Perpustakaan telah berkhidmat dengan Jabatan Pendaftar di Unit Penerbitan. Hanya lebih setahun bekerja dengan Perpustakaan ketika itu di Bahagian

Bersiri dan Dokumentasi (Unit Penjilidan), beliau atau dipanggil dengan nama Michael telah meninggal dunia akibat penyakit asma.

Encik Mohd. Yusof Hussein merupakan staf Perpustakaan yang lama bertugas dengan Perpustakaan. Beliau mula bekerja pada tahun 1974 sehingga tahun 2004, atau bersamaan dengan 30 tahun, kebanyakannya bertugas di Bahagian Media. Beliau meninggal dunia kerana serangan jantung.

Encik Ismail Ariffin mula bekerja dengan USM pada tahun 1977, bermula sebagai PAR kemudian sebagai Kerani. Selepas beberapa tahun bertugas dengan Perpustakaan beliau mencebur diri dalam bidang keusahawanan kecil. Beliau meninggal dunia pada tahun 1999 setelah jatuh di bilik air.

Encik Annanda Shanmugam ialah seorang kerani, mula bertugas dengan USM di Pusat Teknologi Pendidikan dan Media mulai pada tahun 1974. Beliau bekerja di USM selama 29 tahun. Pada tahun 2003 beliau terlibat dalam satu kemalangan dan meninggal dunia.

Encik Muniandy Rajamanikam pada mulanya bertugas dengan Perpustakaan pada tahun 1983 sebagai PAR. Selepas lapan tahun beliau ditukarkan ke Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan. Empat belas tahun kemudian beliau meninggal dunia akibat penyakit kanser.

Bil.	Nama	Tarikh Perkhidmatan di Perpustakaan	Tarikh Meninggal Dunia
1.	EN. MOHAMAD BABA	01.09.72 – 14.08.85	11.12.01
2.	EN. REDZUAN AHMAT	15.2.90 – 28.06.94	28.06.94
3.	EN. LOKE KOK CHIN	16.08.95 -01.05.96	01.05.96
4.	EN. MOHD. YUSOF HUSSEIN	01.04.74 – 25.09.04	25.09.04
5.	EN. MOHD. ISMAIL ARIFFIN	01.11.77 – 01.01.95	15.11.99
6.	EN. ANNANDA SHANMUGAM	01.04.74 – 16.07.03	16.07.03
7.	EN. MUNIANDY RAJAMANIKAM	01.11.83 – 31.12.91	01.02.05



Mohamad
Baba



Mohd. Ismail
Ariffin



Mohd. Yusof
Hussein



Muniandy
Rajamanikam

SEMAKIN HAMPIR

*Semakin hampir bersara
Semakin mendalam rasa cinta
Pada tugas dan kewajipan
Yang penuh cabaran
Semakin hampir
Semakin terasa
Sebuah
Resah yang terseksa*

*Segala titian telah dialami
Menjadi intipati dan realiti
Sebuah kehidupan yang pasti
Dalam warna sebuah generasi*

*Semakin hampir bersara
Ingatan semakin mesra
Gelombang semakin menggila
Kupujuk menjadi cinta*

-SABAR BOHARI-

PROJEK TANAM POKOK SEMPENA MINGGU SUAIKENALSIDANG AKADEMIK 2006/2007

Pada 1 Julai 2006 USM menerima seramai lebih kurang 4,000 pelajar baharu. Pelajar-pelajar diserapkan ke dalam program suaikenal yang dikendalikan oleh pihak Universiti. Salah satu acara program suaikenal itu adalah tanam pokok di bumi USM. Tujuannya adalah untuk mengindahkan lagi landskap Universiti dan menanam semangat cintakan kepada alami dan pokok atau alam sekitar hijau. Di persekitaran Perpustakaan Hamzah Sendut 2, pihak Jawatankuasa Orientasi Universiti mengenalpasti kawasan yang boleh ditanam dengan 10 batang pokok.

Pada 3 Julai 2006 seramai seratus pelajar baharu di bawa ke tempat itu untuk mengambil bahagian menanam pokok itu. Wakil perpustakaan yang terdiri daripada En. Ramli Abdul Samad, Puan Yusliza Jusoh dan En. Nor Adzam Baba telah bersama menyumbang tenaga menanam pokok-pokok itu. Semua pokok berjaya ditanam dan berdiri tegak. Nama pokok itu ialah bucida molinetti berasal dari negara Bahamas. Ia dari jenis pokok teduhan. Dalam tempoh 10 tahun mendatang landskap di persekitaran PHS 2 tetap akan kelihatan hijau dan indah.

STAF PERPUSTAKAAN BERSARA

Tiba masanya maka setiap staf akan bersara wajib dan staf baru akan mengambil tempat mereka.

Pada tahun ini saja sekurang-kurangnya 5 orang staf Perpustakaan telah bersara. Pihak pengurusan Perpustakaan ingin merakam rasa terima kasih terhadap komitmen dan kesetiaan staf yang telah bersama Perpustakaan sekian lama. Kami amat menghargai sumbangan mereka. Kami mengucapkan 'Selamat Maju Jaya Dalam Semua Bidang Yang Akan Diceburi'. Mereka yang bersara ialah:

1. En. Sithamparam a/l P. Siddalingam—14.2.06
2. Datin Masrah Hj Abidin—13.3.06
3. Cik Zainab Abu Bakar Marican—12.11.06
4. En. Cheah Teng Boon—24.12.06
5. Cik Fawzia Dawood—30.12.06

Jendela mengucapkan Selamat Bersara dan Maju Jaya kepada kelima-lima staf berkenaan





LATIHAN SANGKUT DI UNIVERSITY OF QUEENSLAND LIBRARY, BRISBANE, AUSTRALIA

Oleh: Mohd Idris Hj Ali

Mohd Pisol Ghadzali dan saya telah berpeluang mengikuti suatu latihan sangkut di University of Queensland Library (UQC), Brisbane, Australia. Program ini dianjurkan oleh Persatuan Perpustakaan Malaysia (PPM) dan dibiayai oleh Unit Latihan, Universiti Sains Malaysia (USM)

Seramai sebelas orang Pustakawan dari Perpustakaan Universiti Awam di Malaysia telah menyertai program ini. Mereka terdiri daripada Puan Paiza Idris (UiTM) selaku Ketua delegasi, Puan Kamariah Nor Mohd Desa (UTM), Encik Abu Hassan Ghazali (UUM), Encik Atip Ali (KUSTEM), Puan Dg. Rukiah Awang. Amit (UMS), Puan Lela Ruzma Mohd Shaari (UKM), Encik Wan Suhaimi Ariffin (HUKM), Puan Noraini Mukhtar (UIA), Puan Zainun Mat Nor (UNIMAS), Encik Mohd Pisol Ghadzali (USM) dan Encik Mohd Idris Hj Ali (USM).

Antara objektif latihan sangkut ini adalah untuk memberi peluang kepada Pustakawan melihat perkembangan sebuah Perpustakaan yang maju dari segi teknologi dan juga memberi kesempatan berbincang dan bertukar fikiran antara Pustakawan Malaysia dengan Australia.

Kami bertolak pada jam 9.40 pagi waktu Malaysia dan sampai di Lapangan Terbang Brisbane pada jam 7.30 malam waktu Australia. Kami dibawa ke tempat penginapan bernama Toowong Inn and Suites, Toowong, Brisbane.

Kami mempunyai atur cara jadual yang agak padat. Setiap hari aktiviti bermula pada jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Aktiviti kami dipenuhi

dengan kuliah, perbincangan, seminar dan lawatan. Tajuk-tajuk kuliah dan perbincangan yang diberikan adalah seperti berikut:

1. Bangunan Perpustakaan: reka bentuk dan perancangan
2. Pengguna Perpustakaan dan keperluan maklumat
3. Perkhidmatan Pasaran Perpustakaan
4. Latihan cara mengguna komputer dan mengaplikasikannya kepada Staf Perpustakaan dan Pelajar
5. Kemahiran maklumat bagi staf dan pengguna Perpustakaan
6. Senario sistem
7. Menilai sumber-sumber elektronik melalui Perpustakaan
8. Mutu dan Tanda Aras
9. Pembangunan Bajet dan perancangan kewangan
10. Pembangunan Koleksi: dasar dan amalan
11. Memilih, memperoleh dan mengurus sumber maklumat elektronik
12. Mengurus jaringan perkhidmatan dan sumber
13. Mengurus teknologi maklumat
14. Sistem bersepadu pengurusan Perpustakaan
15. Perkhidmatan pembekalan dokumen
16. Melatih pelatih-teori
17. Perancangan strategik dan operasi Modal insan staf



Penceramah terdiri daripada Pustakawan UQC sendiri. Mereka nampaknya mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas. Setiap tajuk kuliah yang diberikan akan disertai dengan contoh-contoh program yang dilaksanakan di Perpustakaan UQC.

Di samping kuliah dan perbincangan, peserta juga dibawa melawat ke Perpustakaan Cawangan University of Queensland dan dua buah perpustakaan lain iaitu

1. Ipswich Library (Cawangan UQC)
2. Gatton Library (Cawangan UQC)
3. University of Sunshine Coast Library
Queensland University of Technology Library

Pada hari Sabtu dan Ahad adalah hari bebas bagi kami. Pada hari tersebut kami melawat pantai terkenal, Gold Coast dan Point Danger di New South Wales. Pustakawan UQC, Puan Wai Wai Lui telah bersama kami ke beberapa tempat untuk aktiviti membeli-belah.

Semua Pustakawan dan staf UQC memberi layanan yang sangat baik kepada kami. Kami akan tetap mengenang keprihatinan mereka khususnya terhadap keperluan dan permintaan kami tentang kemudahan bilik sembahyang, internet dan laptop untuk dibawa balik.

Makanan tidak menjadi masalah kerana terdapat beberapa kedai yang menjual makanan halal dan peserta dibawa ke kedai yang menjual daging dan ayam halal. Begitu juga di tempat penginapan disediakan tempat untuk memasak.

Pada malam terakhir semua dijemput oleh pelajar-pelajar Malaysia yang terdiri daripada beberapa pelajar IPTA termasuk seorang pelajar USM yang sedang melanjutkan pengajian dalam bidang kedokteran. Kami diraikan dan kami sempat juga bertukar fikiran dan memahami keadaan dan masalah mereka.

Kami bertolak balik pada 1 Julai 2006. Kami berlepas menaiki pesawat MAS pada jam 11.50 malam waktu Australia dan sampai di KLIA pada 2 Julai 2006 jam 6.00 pagi waktu Malaysia. Kami

selamat sampai di Pulau Pinang pada jam 12.00 tengah hari.

Kami berasa beberapa perkara perlu dan patut dicontohi antaranya dari segi kemajuan teknologi, sikap pustakawan mereka yang sangat proaktif kepada pengguna, sikap agresif dalam memasarkan produk dan perkhidmatan mereka, latihan yang sistematik yang diberi kepada pengguna dan staf dalam bidang IT, perkhidmatan pembekalan dokumen yang efisien, penjenamaan perpustakaan dan budaya atau etika kerja staf yang komited terhadap tugas. Mereka sentiasa membuat tanda aras dengan Perpustakaan lain untuk menjadi yang terbaik dan sebagai contoh.

Program ini telah mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan oleh PPM. Program ini amat berfaedah serta banyak pengetahuan dan pengalaman yang diperoleh dan dipelajari. Kami harap program seperti ini dapat diteruskan lagi kepada pustakawan lain pada masa akan datang. Terima kasih kepada Perpustakaan Hamzah Sendut (PHS), Unit Latihan USM dan juga PPM.



WHAT YOU NEED TO KNOW ABOUT THE VALUE OF FRUITS

Eat Fresh Fruits

We all think eating fruits means simply buying fruit, cutting it and just popping it into our mouths. You will benefit much more if you know how and when to eat.

Correct Way of eating fruits

Fruits should be taken in an empty stomach... not as dessert after the meal as is often done.

If you eat fruit like that, it will also serve a major role to detoxify your system, supplying you with a great deal of energy for weight loss and other life activities.

Fruit is the most important food

Let's say you eat two slices of bread and then a slice of fruit.

As fruit digests faster than bread, the slice of fruit digests quickly and is ready to go straight through the stomach into the intestines, but its passage is blocked by the bread which takes longer to digest

In the meantime the whole meal ferments and turns to acid. Consequently, when the fruit comes into contact with the food in the stomach and digestive juices, the entire mass of food begins to spoil

So it is better to eat your fruits in an empty stomach or before your meals !

You have heard people complaining – every time I eat water-melon I burp, when I eat durian my stomach bloats up, when I eat banana I feel like running to the toilet etc – actually all this will not arise if you eat the fruit in an empty stomach.

The fruit mixes with the putrefying other food and produces gas and hence you will bloat! Graying hair, balding, nervous outburst,

dark circles under the eyes all these will not happen if you take fruits in an empty stomach.

It is incorrectly presumed that some fruits like orange and lemon are acidic and will enhance acidity in the stomach. Research however shows that all fruits become alkaline in our body.

When you need to drink fruit juice – drink only fresh fruit juice, NOT from the cans. Don't drink juice that has been heated up. Don't eat cooked fruits because you don't get the nutrients at all. You only get to taste.

So stop making 'durian porridge' if you want nutrients. Cooking fruit destroys all the vitamins. Eating the pulp or whole fruit is far better than drinking the juice as the fibre is good for you. If you should drink the juice, drink it mouthful by mouthful slowly, because you must let it mix with your saliva before swallowing it.

A 3-day "fruit fast" is a very simple and effective way to cleanse and de-toxify your body. Just eat fruits and drink fruit juice throughout the 3 days and you will be surprised when your friends tell you how radiant you look ! During the "fruit fast" you can eat different fruits at different times, although occasionally mixed fruit salad would also be permissible and more interesting. If you have mastered the correct way of eating fruits, you have the secret of beauty, longevity, health, energy, happiness and normal weight.



KRITIK DAN KRITIKAN

Oleh: Ramli Abdul Samad

Mari kita faham sedikit perihal atau dimensi kepada ciri yang dinamakan kritik. Kritik atau kritikan berada dalam kehidupan kita. Kita tidak akan terlepas daripada kegiatan kritikan. Kritik tetap akan menjadi sebahagian hidup kita selagi kita mengamalkan budaya demokrasi. Budaya demokrasi mengizinkan kita mendengar dan memberi laluan kepada kritikan walaupun ianya tidak disukai. Semasa mesyuarat, perbincangan, forum, seminar, konferensi baik yang formal dan tak formal akan ada lemparan kritik daripada peserta majlis berkenaan. Apa yang kita perhatikan dalam senario itu?

Dalam kritik ada dua perkara yang sering menjadi perhatian, satu isi kritikan itu dan kedua cara penyampaiannya.

Ada kalanya isi kritikan itu benar dan cara disampaikan pun baik. Senario ini memberi rasa terharu kepada para pendengar. Tetapi ada pula jika isi isin kritikan itu benar tetapi cara ia dihuraikan menjadi kurang tepat. Terdapat juga kes di mana isi kritikan itu salah tetapi cara penyampaiannya baik. Paling parah lagi adalah kalau isi kritikan itu salah dan cara diberikan pun tidak baik. Dalam keadaan sebegitu aktiviti kritikan menjadi momok, tidak diberi apa-apa nilai atau hormat. Apapun ada banyak variasi cara kritikan itu disampaikan kepada para pendengar.

Mungkin kita akan bertanya seterusnya, apa makna kritik atau kritikan itu?

Kritik atau kritikan itu jika dilihat sebagai positif, bererti satu input itu diberi untuk memperbaiki diri seseorang. Jika kita melihat dengan

kaca mata negatif ia bersifat sebagai sesuatu yang mengancam harga diri seseorang. Terpulang untuk kita mengambil pendirian terhadap kritikan itu. Jika kita bersifat terbuka kita boleh menerima kritikan, sebaliknya jika bersikap tertutup kita tidak akan sukakan kepada kritik walaupun ia boleh membina tanggapan atau sikap kita.

Dengan itu apabila kita bersikap terbuka kita menerima kritikan kerana ia boleh memanfaatkan kita. Kita terbuka dan bersedia untuk menerima kritikan, malahan kita mungkin mencari kritikan untuk memahami mengenai sikap dan pribadi kita. Kritikan itu merupakan satu proses penambahbaikan bagi kita meskipun agak sulit untuk menelannya. Tetapi ramaikah di antara kita yang bersikap terbuka? Maknanya jika seseorang itu rela dikritik semata-mata ingin memperbaiki dirinya atau sikapnya terhadap sesuatu tanggungjawab. Manusia jenis ini tidak ramai tetapi tidak pula langka kerana budaya menerima kritikan secara terbuka bukanlah budaya arus perdana kita. Kita lebih rela tidak dikritik kerana kritikan terhadap kita boleh ditafsirkan sebagai satu gambaran betapa kurangnya sifat baik yang kita miliki.

Misalnya kita diberi satu amanah atau tugas yang berat untuk mengendalikan sesebuah organisasi, tetapi kita tidak memiliki atribut dan kompetensi yang memadai untuk melaksanakan demikian, lalu organisasi yang dipimpinya tidak terserlah. Maka timbul komen dan pelbagai rungutan dari staf organisasi itu dan orang ramai mengenai kepimpinan organisasi itu. Kritikan dituju kepada aspek kepimpinan. Si pemimpin itu

harus terbuka dan menilai kepimpinan beliau. Jika benar kritikan yang dilempar itu benar atau kebenarannya dia boleh mengambil langkah-langkah yang wajar untuk memperbaiki lagi organisasinya, misalnya dia akan mengikuti suatu kursus kepimpinan yang dibuat secocok dengan tuntutan organisasinya. Jika dia masih bersikap bebal maka organisasi yang diterajunya akan menanggung kemerosotan prestasi.

Sebaik seseorang itu enerima input kritikan, langkah selanjutnya adalah menilai isi kritikan itu dan dengan bersikap objektif dan terbuka buat penilaian. Berdasarkan penilaian itu dia boleh membuat penilaian diri sendiri secara objektif pula.

Sedia maklum apabila pribadi kita kurang baik, sudah sepatutnya kita berusaha memperbaiki diri. Dalam hal ini kritik atau kritikan boleh dijadikan sebagai titik tolak dalam pengembangan pribadi. Maka dengan kritik kita sedikit sebanyak kita dapat mengetahui sisi yang menjadi kelemahan kita dan kita segera memperbaikinya. Tujuannya kita boleh membentuk pribadi yang lebih baik.



AUNILO 2005

SECOND MEETING OF THE ASEAN UNIVERSITY NETWORK INTER-LIBRARY ONLINE (AUNILO) WORKING COMMITTEE

30th NOVEMBER — 2nd DECEMBER 2005
THE GURNEY RESORT HOTEL & RESIDENCES

Anjuran AUNILO Sekretariat, Perpustakaan Universiti
Sains Malaysia dengan kerjasama AUN
(Asean University Network) Sekretariat

Oleh: Ramlah Ibrahim,
AUNILO Sekretariat

Dalam mesyuarat pertama AUNILO Working Committee (dianggotai 17 buah Perpustakaan universiti di ASEAN) di Singapura pada tahun 2004, Perpustakaan USM telah dilantik sebagai AUNILO Sekretariat 2004–2008. Sekretariat ini bekerjasama dengan ASEAN University Network (AUN) dalam menyelaras aktiviti-aktiviti bersama-sama perpustakaan lain di rantau ASEAN seperti dalam perkongsian maklumat, kepakaran dan latihan. Satu daripada tugas Sekretariat adalah menganjurkan mesyuarat tahunan AUNILO Working Committee.

Bagi tahun ini, Sekretariat telah menganjurkan mesyuarat keduanya pada 30 November–2 Disember 2005 di Hotel Gurney, Pulau Pinang. Selaras dengan tema Mesyuarat, *Library Service Quality Assurance*, Sekretariat juga telah menganjurkan satu seminar sehari pada 30 November 2005. Dua orang penceramah terkenal telah dijemput untuk memberikan ceramah tentang perkhidmatan perpustakaan dan kualiti. Mereka ialah Dr. Alex Byrne, Presiden *International Federation of Library Associations and Institutions* (IFLA); Pemangku Pro Naib Canselor dan Pustakawan Universiti, University of Technology, Sydney; dan Prof. Madya Dr. Zainal Arifin

Ahmad, Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah), Pusat Pengajian Pengurusan, USM. Seminar ini telah mendapat penyertaan yang baik dari semua institusi di seluruh Malaysia. Semua meluahkan rasa gembira kerana berpeluang bersua muka dengan Presiden IFLA sendiri.

Mesyuarat ini telah dimulakan pada 30 November dengan laporan oleh Sekretariat (USM) dan AUNILO Portal (UM). Ia diikuti oleh pembentangan kertas kerja bertajuk *USM Libraries' Milestones on Quality* oleh Datin Masrah Hj. Abidin dan Pn. Habsah Abdul Rahman. Pada sebelah malam pula, delegasi Mesyuarat telah diraikan dalam satu majlis makan malam anjuran Naib Canselor, Prof. Dato' Dzulkifli Abd. Razak, di Evergreen Laurel Hotel. Pada 1 Disember pula, setiap delegasi menyampaikan laporan status pemastian kualiti (*quality assurance*) perpustakaan masing-masing. Seterusnya, Sekretariat membentangkan resolusi pemastian kualiti yang dipersetujui oleh setiap wakil yang hadir. Delegasi Mesyuarat ini juga telah membincangkan agenda untuk Mesyuarat Ketiga yang akan diadakan di Brunei Darussalam pada tahun 2006.

Selepas bermesyuarat selama dua hari, delegasi tersebut telah dibawa untuk melawat institusi-institusi lain dan tempat menarik di sekitar Pulau Pinang. Ia dimulai dengan mengunjungi Perpustakaan Kampus Kejuruteraan di Nibong Tebal. Kemudian mereka telah singgah di Perpustakaan Hamzah Sendut 1 sebelum menyambung lawatan ke Akuarium, Institut Penyelidikan Perikanan dan WorldFish Centre di Batu Maung. Pada sebelah petangnya, mereka telah meluangkan masa melawat Kebun Bunga Pulau Pinang. Mesyuarat ini disudahi dengan satu majlis makan malam anjuran Perpustakaan USM dan acara penyampaian sijil kepada delegasi.





Oleh: Husriati Hussain

Unit Perkhidmatan Maklumat Elektronik, Bahagian Rujukan dan Penyelidikan telah memperkenalkan sebuah program pada bulan Ogos 2005 lalu dinamakan "Pangkalan Data Bulan Ini". Program ini bertujuan mempergiat penggunaan pangkalan data langganan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Pengguna harus memanfaatkan sepenuhnya pangkalan data ini.

Program ini berkonsepkan "satu bulan satu pangkalan data" mengikut jadual. Sebagai pembuka tirai, pangkalan data ProQuest telah dipilih untuk program bulan Ogos 2005. Unit ini menjalankan beberapa aktiviti untuk menyebarkan program ini seperti berikut:

- Membuat pameran mini berkaitan dengan pangkalan data tersebut.
- Mengeluarkan brosur yang berkaitan dengan pangkalan data tersebut.
- Menyalurkan maklumat melalui emel kepada para peminat Pusat Pengajian/Subjek masing-masing oleh Pegawai Perhubungan Perpustakaan.
- Memberi Bengkel Pencarian Maklumat khusus untuk pangkalan data tersebut.

Bengkel Pencarian Maklumat khusus ini kebiasaannya dikendalikan selama dua jam mulai 8.30 pagi hingga 10.30 pagi di Pusat Perkhidmatan Maklumat Elektronik, Aras 3, Perpustakaan Hamzah Sendut 1 (PHS1) secara *hands-on*. Selama ini para pengguna Perpustakaan menggunakan fungsi pencarian secara ringkas sahaja, tetapi dalam bengkel ini para peserta akan diberi penerangan lanjut serta pendedahan lebih mendalam tentang fungsi-fungsi yang terdapat dalam pangkalan data tersebut. Misalnya tunjuk ajar diberi tentang:

- cara menyemak jurnal atau bahan penerbitan yang terdapat dalam pangkalan data tersebut,
- menyemak subjek atau tesaurus dalam pangkalan data tersebut,
- cara membina strategi pencarian (*search strategies, truncation function, wild card function, search histories* dan sebagainya),



PROGRAM PANGKALAN DATA BULAN INI

- cara membuat pencarian secara khusus dan mendalam seperti *advanced search, modify search* dan *search within results*,
- mencari bahan dalam satu tempoh masa tertentu atau menghadkan pencarian kepada bentuk penerbitan yang khusus (*limit search/filter*) seperti *scholarly journals, magazines, dissertations, trade publications, newspapers, book series, case study, literature review, technical report* dan sebagainya,
- menyusun hasil pencarian (*sort results*) sama ada hasil pencarian yang paling tepat, terkini atau terkebelakang akan disenaraikan dahulu (*relevance, oldest, newest*),
- mengemel artikel ke emel akaun sendiri,
- membina *folder* sendiri (*my personalized*) di dalam pangkalan data tersebut (*search alerts, my folder, marked list, citation alerts* dan sebagainya),
- memberi penerangan tentang *links* yang terdapat di dalam pangkalan data tersebut, contohnya seperti *hyperlinks, references links, cited references* atau *key readings*,
- memberi penerangan ringkas cara membuat gaya pemetikan/*citation styles/bibliography*,
- fungsi-fungsi lain yang terdapat dalam pangkalan data tersebut.

Antara pangkalan data yang telah dipromosikan termasuk pangkalan data ProQuest, EbscoHost, ISI Web of Knowledge, Emerald, Scopus (pangkalan data percubaan dari Januari 2005 hingga Disember 2006) dan EndNote (*Bibliographic Management Software*).

Pada akhir bengkel pula para peserta akan diberi ole-ole seperti pen, pensil, penanda buku, *mouse pad, note pad, risalah* dan sebagainya. Hadiah-hadiah ini termasuk poster dan risalah ialah sumbangan daripada pihak pembekal pangkalan data itu sendiri. Hal ini menunjukkan bahawa pembekal pangkalan data juga memberi kerjasama kepada Perpustakaan sebagai tanda sokongan agar program seperti ini mencapai matlamatnya. Amatlah rugi jika pangkalan data yang dilanggan ribuan malahan jutaan ringgit tidak dimanfaatkan sebaik mungkin.

Promosi ini juga sedikit sebanyak merupakan salah satu strategi untuk menarik minat pengguna Perpustakaan melibatkan diri secara langsung dengan program-program anjuran Perpustakaan. Ia juga dapat menyedarkan mereka bahawa Perpustakaan sebenarnya mempunyai pelbagai peranan seperti menyediakan tempat runding maklumat, mengadakan bual bicara sumber maklumat, kelas mengajar mencari maklumat dan sebagainya. Perpustakaan bukanlah sekadar bangunan menyimpan maklumat. Amat penting seseorang pengguna itu memiliki ciri-ciri seperti kesabaran, ketekunan, faham dengan keperluan maklumat serta meluangkan sedikit masa bersama-sama Perpustakaan. Apabila seseorang pengguna itu telah menggarap kemahiran asas daripada program ini, sudah tentunya beliau boleh mempamerkan kemahiran memanfaatkan maklumat bagaikan maklumat itu berada di hujung jari mereka.



Unswerving loyalty to duty, constant devotion to truth, and a clear conscience will overcome every discouragement and surely lead the way to usefulness and high achievement.

- Grover Cleveland -

Majlis perpisahan Datin Masrah Hj. Abidin

Disumbangkan oleh: Radia Banu Jan Mohamad

Majlis perpisahan bagi meraikan persaraan Yang Berbahagia Datin Masrah Hj. Abidin telah diadakan pada 4 Ogos 2006 di Hotel Vistana, Pulau Pinang. Datin Masrah Hj. Abidin merupakan Ketua Pustakawan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia ke-5 yang telah bersara pada 13 Mac 2006 yang lalu.

Majlis yang penuh bermakna itu telah dihadiri oleh Yang Berbahagia Naib Canselor Prof. Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Pendaftar, En. Azman Abdullah, Bendahari, Pn. Mawan Noraini, Ketua – ketua Jabatan serta kira – kira 200 orang tetamu yang terdiri daripada staf Perpustakaan Hamzah Sendut dan Kejuruteraan serta *alumni* Perpustakaan USM. Majlis tersebut juga telah diserikan dengan persembahan multimedia, boria oleh kumpulan boria ASTAKA dan acara pemberian cenderamata, jambangan bunga dan memotong kek.

Majlis perpisahan yang telah diusahakan oleh AJK yang terdiri daripada Pn. Che Norma Bahri, En. Mohd Pisol Ghadzali, Pn. Habsah Abdul Rahman, En. Abdul Akla Wan Ismail, Pn Siti Fatimah Hashim, En. Mohd Idris Hj. Ali, Pn. Nurul Azurah Mohd Roni, Cik Radia Banu Jan Mohamad serta pasukan petugas termasuk kumpulan persembahan, penyambut tetamu dan teknikal itu diharapkan akan menjadi satu kenangan manis bagi beliau yang telah berkhidmat selama lebih kurang 25 tahun di Perpustakaan USM.

Selamat bersara Datin Masrah.



ADIKOMPUTER IBM

Oleh: Ramli Abdul Samad



Komputer IBM lain yang juga tergolong pantas adalah :

1. Sistem IBM Blue Gene/L Watson berprestasi 91.29 teraflop
2. ASC Purple berprestasi 75.76 teraflop
3. MareNostrum(dinaiktaraf) berprestasi 62.63 teraflop

Dengan ini IBM bagaikan mendahului dalam bidang komputer terpantas di dunia. Sistem Blue Gene/L dan Purple merupakan sistem yang digunakan dalam Program Advanced Simulation and Computing (ASC) yang dilaksanakan oleh National Nuclear Security Administration. Sistem-sistem ini dibina khusus untuk untuk menjamin keselamatan, keamanan dan kehebatan simpanan nuklear AS tanpa perlu membuat uji nuclear bawah tanah.

Selain itu IBM dan rakan-rakannya sedang membuat kajian ke arah untuk mengaplikasikan komputer berprestasi tinggi itu dalam bidang seperti biologi, membuat model kewangan, hidrodinamik, kimia kuantum, dinamik molekuler, astronomi dan angkasa lepas dan juga mereka model cuaca untuk solusi-solusi Blue Gene.

Rujukan :

1. <http://top500.org/>
2. <http://www.engadget.com/2005/10/28/ibms-blue-gene-l-worlds-fastest-supercomputer-at-280-6/>

IBM seakan-akan memimpin dalam pengeluaran komputer yang berprestasi tinggi. Pada tapak www.top500.org didapati IBM berada pada kedudukan pertama dalam senarai 500 daftar adikomputer. Puratanya terdapat 237 sistem IBM daripada 500 adikomputer cepat di dunia. Ini bersamaan dengan 49 peratus daripada jumlah tenaga pemrosesan yang dapat dihasilkan seluruh adikomputer dalam daftar tersebut. Sistem IBM Blue Gene/L adalah yang terpantas di dunia buat masa ini. Tapak TOP500 Supercomputer disusun dan diterbitkan oleh pakar Jack Dongarra dari University Tennessee, Erich Strohmaier dan Horst Simon dari NERSC/Lab Nasional Lawrence Berkeley, dan Hans Meuer dari Universiti Mannheim (Jerman). Seluruh daftar ini dapat dilihat di www.top500.org.

Malahan pada kedudukan empat selepas yang terpantas juga adalah komputer milik IBM. Sistem IBM Blue Gene/L berada di puncak daftar dengan prestasi mencapai 280.6 teraflop. Satu teraflop adalah bersamaan dengan keupayan komputer membuat perkiraan sebanyak satu trilion per detik. Adikomputer ini dibangunkan bersama-sama dengan National Nuclear Security Administration yang bernaung di bawah Jabatan Tenaga Amerika Syarikat (AS) tetapi dipasang di Laboratorium Nasional Lawrence Livermore.

KNOWLEDGE

One of the hot debates in Knowledge Mangement is "What is the meaning of the word 'knowledge'?. There are fundamentally two schools of thought. Onethat says knowledge is something that can only ever exist in your mind and everything else is just information. Another that says there are two forms of knowledge - 'tacit knowledge' that exists in your head and 'explicit knowledge' that is stored in some other medium e.g. paper or digitally.

To my mind both views are valid. They are just two different ways of interpreting a word that has always been used rather loosely. I can quite happily switch between each depending on the context. But it is important to recognize that there are two views if you are to avoid arguments that at their core hinge on a different interpretation of this thing we call knowledge.

Personally, I tend to use the tacit/explicit model because I find it more useful. I like to distinguish the ingredients of a cake (information) from the recipe (explicit knowledge)

— David Gurteen —

SUASANA MESRA DALAM KELUARGA

Oleh: RAS

Bukan mudah untuk mengekalkan suasana mesra dalam keluarga. Ia memerlukan banyak kemahiran dan psikologi dari kedua pasangan suami isteri dan usaha mengekalkan ciri-ciri kemesraan harus dibuat secara berterusan. Kita sering mengikuti perkembangan luntarnya senario kemesraan dalam keluarga khususnya pada siri drama di televisyen dan juga dari berita-berita di akhbar.

Kita dapati suami isteri atau ibu bapa jarang berkomunikasi, mereka berbicara ketika perlu saja. Pergi tanpa meminta izin dan kembali tanpa ditegur sapa, makan sendiri-sendiri bagaikan orang asing yang hidup di bawah satu bumbung. Cara hidup seperti itu berterusan dan sulit bagi sang suami atau isteri untuk mengambil inisiatif memperbaiki suasana itu. Masing-masing bagaikan mempertahankan ego peribadi atau mereka percaya bahawa sikap masing-masing sulit untuk diubah. Bagaimanapun mereka secara sedar juga beryakinan bahawa keadaan tidak

mesra itu tidak harus diteruskan kerana ia akan membawa konflik dan padah satu hari nanti. Demi kesejahteraan dan kesihatan mental keluarga, penyelesaian terhadap tiadanya suasana intim dalam hubungan keluarga itu harus dicari bersama, jika tidak bantuan profesional adalah diperlukan. Apa yang penting adalah tindakan pencegahan itu adalah selalu lebih baik daripada tindakan kuratif. Dalam hal ini komunikasi bermakna antara suami isteri adalah penting.

Tujuan komunikasi adalah untuk saling memahami, mencintai dan memberi dukungan. Setiap anggota keluarga seharusnya menghargai apa yang difikirkan dan dirasakan anggota keluarga lainnya dan saling mendengarkan. Jika terjadi perundingan, perundingan itu harus dilakukan secara terbuka dan jujur.

Apa maknanya saling menghargai? Ia bermaksud setiap lontaran idea dan pandangan dalam komunikasi itu tidak akan dilihat sebagai satu penghinaan atau satu perlecehan. Mereka bebas untuk menyampaikan aktiviti seharian. Kalaupun ada perbedaan pendapat, perkara itu harus diterima dengan terbuka.



JENDELA 4/2005

surat Pembaca

Tuan,
Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih diatas ingatan tuan dan siding redaksi Jendela kerana menghantar isu tersebut kepada saya. Saya amat bangga dengan pencapaian Perpustakaan Tan Sri Hamzah Sendut sehingga kini. Saya mendoakan semoga Jendela dibawah pimpinan tuan dan sokongan semua staf Perpustakaan terutama Ketua Pustakawan akan lebih maju di masa hadapan .

Sekian diakhiri dengan ucapan terima kasih sekali lagi dan Syabas.

Yang benar,
Noor Ida Yang Rashdi
Mantan Ketua Pustakawan 2002-2004 (Jun)
(melalui e-mel, 12-10-2005)

LIGHT AND EASY

Subject: 7 Stages of Our Life

- 0 - 5 yrs : we experience many spills
- 6 - 16 yrs : we undergo many drills
- 17 - 25 yrs : we discover many thrills
- 26 - 40 yrs : we have to pay many bills
- 41 - 60 yrs : we suffer many ills
- 61- 75 yrs : we have to take many pills
- 76 yrs and more : we worry about our wills



BERILMU, AMANAH, PROGRESIF

BERILMU, AMANAH, PROGRESIF



Transkripsi

Oleh: Shahriza Fadly Misaridin

Proses penyediaan transkripsi merupakan satu proses yang jarang dilakukan di Malaysia. Ia sering dikaitkan dengan sejarah penceritaan (*oral history*) dan arkib. Proses yang dinamakan pentranskripsian (*transcribing*) ini secara mudahnya boleh ditakrifkan sebagai menukar atau menyalin rakaman perkataan ke dalam bentuk yang boleh dicetak, atau dengan kata lain, ia merupakan satu proses. Prosesnya melibatkan segala maklumat dalam format audiovisual ditukar dan didokumentasikan ke dalam bentuk teks. Contohnya aktiviti seperti ucapan, dialog, temu ramah dan wawancara ditukar menjadi teks.

Lazimnya ia dijalankan bagi tujuan pengarkiban dan penyimpanan maklumat-maklumat penting berkaitan dengan sejarah sesuatu kawasan, penceritaan sejarah-sejarah lama, pengalaman-pengalaman orang-orang tertentu pada zaman tertentu, mesyuarat-mesyuarat penting, perjumpaan-perjumpaan orang-orang kenamaan dan sebagainya, yang tersedia dalam bentuk audiovisual yang mana kemudiannya didokumentasikan dalam bentuk teks (*oral documentation*).

Berdasarkan pengamatan penulis di Malaysia, perkhidmatan yang melibatkan pentranskripsian ini amat jarang disediakan oleh perpustakaan dan arkib kerana, menurut pengalaman penulis, proses penyediaan sesebuah transkripsi itu memerlukan luang masa yang lama. Mereka yang kurang mahir memerlukan antara 8 – 10 jam bagi menyediakan suatu transkrip, manakala bagi mereka yang mahir dan berpengalaman pula memerlukan masa selama 4 – 5 jam.

Proses pentranskripsian memerlukan ketelitian bagi memastikan transkripsi yang disediakan benar-benar bermutu dan berkualiti. Selain itu,

mereka yang menyediakan transkripsi atau jurutranskrip (*transcriber*) perlu memiliki kemahiran yang baik dalam mendokumentasikan sesebuah audiovisual. Hasilnya akan benar-benar memenuhi kriteria dan berupaya menyampaikan intipati sesebuah ucapan, dialog, dan wawancara itu ke dalam sesebuah koleksi. Seorang jurutranskrip profesional berjaya menukarkan sesebuah audiovisual ucapan itu seperti ianya sebuah salinan asal, jika adapun perbezaan cuma pada segi bentuk saja.

Kenapa pentranskripsian?

- i) Meluaskan koleksi sedia ada
- ii) Menyediakan kemudahan kepada pengguna
- iii) Memanjangkan jangka hayat sesebuah koleksi
- iv) Sumber ganti bagi koleksi audiovisual
- v) Kebanyakan pengguna gemar kepada maklumat berbentuk dokumen berbanding audiovisual

Kaedah-kaedah pentranskripsian

Terdapat pelbagai kaedah yang diguna pakai oleh jurutranskrip dalam menyediakan transkripsi. Namun, ia bergantung pada polisi sesebuah Perpustakaan/organisasi yang menyediakan transkripsi kepada pengguna. Secara umumnya penulis senaraikan beberapa kaedah yang diguna pakai berdasarkan pengalaman penulis:

1. Dengar selama 10 minit sebelum memulakan kerja transkripsi. Ini bagi membiasakan cara percakapan dan gaya bahasa orang yang berucap di dalam audiovisual yang ditranskrip.
2. Taip perkataan-perkataan yang didengar sebagaimana ia disebut. Ini bagi mengekalkan keaslian sesebuah transkripsi.



3. Taip perkataan dengan kemas bagi memudahkan pengguna membaca transkripsi yang disediakan.

4. Tanda seperti tanda berhenti, tanda tanya dan sebagainya hendaklah disertakan dengan tepat seperti mana perkataan disebut di dalam audiovisual ucapan. Tidak dibenarkan menukar aturan perkataan.

5. Buka perenggan baharu setiap kali tajuk atau topik perbincangan bertukar. Sekiranya perenggan dalam ucapan terlalu panjang, pecahkan kepada perenggan yang kecil bagi memudahkan pembacaan pengguna.

6. Periksa kata nama khas bagi seseorang/ sesebuah organisasi. Buat penyelidikan bagi memastikan maklumat yang diberi adalah tepat.

7. Dokumen hendaklah disediakan secara kata demi kata (*verbatim*). Ini bermakna setiap perkataan dan bunyi yang memberi maksud tertentu hendaklah ditranskripsi sebaik mungkin. Ini bertujuan bagi mengekalkan ketepatan maklumat yang disampaikan.

8. Simbol-simbol khas hendaklah digunakan bagi menyampaikan maksud-maksud tertentu kepada pengguna. Contoh:

- a- Tanda koma (,) – perkataan berulang
- b- Tanda [] – menunjukkan perkataan yang betul untuk perkataan yang salah disebut

- c- Tanda (-,) – perkataan yang tidak habis disebut, dan berulang-ulang
- d- Tanda (?...?) – Perkataan yang tidak pasti
- e- Tanda (.....) – Perkataan yang kabur, tidak dapat didengar oleh jurutranskrip

Dokumen yang ditranskrip selalunya disimpan dalam bentuk salinan keras (*hard copy*). Walau bagaimanapun terpujanglah kepada perpustakaan/organisasi sama ada mahu menyediakan salinan keras atau salinan lembut (*soft copy*), dan ini bergantung kepada format dan piawaian sesebuah perpustakaan atau organisasi.



Today's public figures can no longer write their own speeches or books, and there is some evidence that they can't read them either.
- Gore Vidal -

Sebuah pohon besar anda bermula dari sebuah biji yang sangat kecil;
Perjalanan sejauh seribu batu bermula dari satu langkah kecil'
- Lao-tse -

Melawan Rasa Resah

Sering kita merasa tidak aman, serba salah, lesu, atau kecewa, tanpa tahu dengan tepatnya apa penyebabnya. Akibatnya, tugas-tugas yang mestinya diselesaikan boleh terbengkalai.

Berikut adalah beberapa petua untuk mengatasinya:

Berolahraga.

Terutama olahraga yang bersifat aerobik, seperti lari, berbasikal, jalan santai, atau renang. Lakukan sedikitnya 20 minit, 3 – 5 kali seminggu.

Gunakan permainan warna.

Untuk menghindari kemarahan, jauhi warna merah. Untuk mengatasi kemurungan, hindari warna yang membuat anda merasa lelah, seperti hitam atau biru tua. Sedangkan untuk mengurangi kecemasan, pilihlah warna-warna neutral.

Cuba mendengar muzik yang sesuai dengan perasaan yang sedang anda rasakan.

Misalnya, jika sedang sedih, cubalah mendengar

muzik melankolis. Sekilas hal itu sepertinya menambah kesedihan. Tetapi setelah tiga atau empat lagu, biasanya akan muncul perubahan positif.

Makan dengan benar.

Mengikuti kajian, karbohidrat adalah makanan yang memiliki kesan menenangkan, sedangkan protein cenderung meningkatkan kewaspadaan dan energi mental.

Tidur dan bermimpilah.

Dengan tidur, kelelahan akan berkurang. Sedangkan dengan mimpi, kejadian-kejadian yang menekan akan berkurangan perlahan-lahan.

Selalu berfikir positif.

Rasa tidak aman sering muncul dari fikiran-fikiran tidak berpijak pada bumi. Sebuah penelitian menunjukkan, menemukan hal-hal lucu jauh lebih baik ketimbang menangis.



itu. Ini berlaku dalam komuniti tribal. Misalnya daging yang dihadiahkan dikongsi bersama di antara masyarakat itu.

4. Saya yakin kerjaan telah menetapkan satu dasar atau formula mengenai penerimaan hadiah. Hadiah itu dihadkan nilainya, makna nilai hadiah itu tidak boleh melebihi sekian nilai kewangan yang ditetapkan.

5. Hadiah yang diberi itu harus diisytiharkan oleh si pemberi mahupun si penerima. Dengan lain perkataan semua harus mengetahui akan hal itu.

6. Mesti nyata tiada wujudnya perhubungan antara jawatan dan bisnes si pemberi dengan portfolio si penerima. Misalnya adalah tidak masuk akal bagi seseorang dalam bisnes kenderaan memberi sesuatu hadiah dalam apa jua bentuk kepada Menteri dalam portfolio Dagangan.

Jadi tidak berapa sulit untuk kita membezakan apa itu pemberian hadiah yang tulus ikhlas dengan rencana rasuah.

Bezanya antara HADIAH dan RASUAH

Oleh: Wartawan Jendela

Kita harus dapat membezakan antara pemberian sesuatu hadiah itu dan tindakan menerima rasuah. Adakalanya sulit untuk membezakan antara dua perkara itu, apakah penerimaan hadiah sama dengan penerimaan bentuk rasuah. Bila penerimaan sesuatu hadiah itu menjadi sama seperti menerima rasuah? Adat menerima hadiah berlaku dalam semua masyarakat. Semua budaya di Malayasia mengamalkannya. Bagaimanapun wujud perbezaan antara hadiah dan rasuah:

1. Sebuah hadiah itu diberi tanpa sebarang harapan atau jangkaan sesuatu terhadap si penerima yang ia harus membalasnya. Si penerima tiada rasa 'terpaksa' untuk membalasnya.
2. Hadiah diberi secara terbuka dan keikhlasan si pemberi dihebahkan. Semua orang tahu apa yang telah diberikan.
3. Mengikuti amalan tradisi, hadiah yang diberi dikongsi bersama dengan semua ahli dalam komuniti

Bertengkar Di Depan Anak ? Boleh, Asal...

Caranya.... Semak tips berikut:

1. Berlaku sopan

Jangan pernah berdebat atau berselisih yang diakhiri dengan menyakiti salah seorang (terutama di depan anak-anak). Jangan pernah mengecilkan/meremehkan pasangan.

2. Tenang

Berteriak, saling memaki, bicara dengan nada tinggi, jelas berbeda dengan berdiskusi. Itu berarti menekan atau memaksa orang lain untuk mendengarkan anda. Suara yang tenang akan selalu lebih efektif berdebat, karena akan membuat lawan bicara mau mendengarkan.

3. Tetap berteman

Perlihatkan pada anak-anak bagaimana cara bernegosiasi yang efektif dan "tetap menjadi teman" jika semua masalah telah dibicarakan dan selesai. Pada akhir perselisihan, kedua belah pihak harus berlapang dada dan tetap saling menghargai, menerima dan mencintai.

4. Bukan musuh

Ingat, anda bukan merupakan musuh dari orang di dalam konflik yang terjadi. Anda hanya mempunyai ide yang berbeda untuk mencapai suatu kesepakatan. Lihatlah pada tujuannya secara umum dan bagaimana cara terbaik untuk menyatukan suatu argumen kendati berbeda jalan. Nah, bukankah hal ini merupakan suatu keahlian, ketrampilan yang baik yang patut diajarkan kepada anak-anak?

5. Tidak menyangkut mereka

Jangan pernah berselisih di depan anak-anak dengan topik perselisihan yang menyangkut perilaku anak itu sendiri. Saat untuk memberi pelajaran yang baik dapat menjadi hancur berantakan jika anak mulai menjadi takut karena mendengar komentar pribadi anda dan pasangan mengenai diri mereka.

6. Menerima kekalahan

Ajari anak bagaimana cara menerima kekalahan dengan anggun, lapang dada. Jadilah seorang yang sportif dan bukan pendendam. Merasa kecewa adalah hal yang wajar dan ada cara yang baik

untuk melihat hal ini. Kemudian belajar atau bangkitlah untuk menghilangkan perasaan tersudut, kalah dan lainnya. Perhatikan pada si kecil, semua itu merupakan suatu pelajaran yang terbaik dalam kehidupan.

7. Jadilah diri sendiri

Tapi jangan berlebihan. Memang, memiliki pendapat merupakan sesuatu yang oke sehingga anak tahu, ada sesuatu hal dalam kehidupan yang penting dan harus kita pertahankan. Tapi usahakan untuk tidak berlarut-larut. Biarkan berlalu jika sudah berlalu dan tunjukkan pada anak, bagaimana proses dari semua itu.

8. Berhati besar

Ketika konflik sudah bisa diatasi dan "persetujuan" disepakati, terima semua itu dengan besar hati. Dengan kata lain jangan mengungkit-ungkit kembali masalah selama seminggu terus-menerus, misalnya. Perhatikan kepada anak, berselisih paham atau berbeda pendapat adalah sesuatu yang wajar dan bisa dicarikan jalan keluarnya untuk kemudian hidup rukun lagi. (Nova)



Quotes from Scott Peck:

"Life is difficult. This is a great truth, one of the greatest truths. It is a great truth because once we truly see this truth, we transcend it. Once we truly know that life is difficult - once we truly understand and accept it - then life is no longer difficult. Because once it is accepted, the fact that life is difficult no longer matters."

USM daripada pandangan atas langit



KUNJUNGAN DARI BELGIUM

Disediakan oleh: Ramlah Ibrahim

Pada 14-16 Mac 2006, Perpustakaan Hamzah Sendut telah menerima kunjungan En. John Miller. Beliau ialah Pengarah *College of Europe Library*, Bruges, Belgium. Sebelum itu En John Miller telah menghadiri satu mesyuarat pengurusan program *Master in International and Diplomatic Studies (European Studies)* tajaan *European Commission* di Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia (USM). Beliau mempunyai banyak pengalaman dalam bidang pengurusan perpustakaan dan pusat sumber maklumat. Beliau yang banyak berkhidmat di negara-negara seperti Albania, Laos, Kazakhstan, bekas Kesatuan Soviet, Emeriah Arab Bersatu dan Republic Czech juga terlibat dalam projek-projek rundingan untuk membangunkan pusat sumber maklumat di Albania dan Laos. Beliau juga aktif dalam persatuan profesional dan melibatkan diri dalam *UK Library Association* (ahli), *International Association of Law Libraries* (ahli), *EUROLIB* (the EU Institutional

Libraries liaison group sebagai Timbalan President) dan *American Association of Law Libraries (AALL) - East Europe Law Special Interest Group* (sebagai Pengerusi Bersama).

Perpustakaan USM telah menganjurkan satu sesi ceramah dengan En. John Miller bertajuk 'World Library Saga.' Ceramah beliau merupakan satu sesi interaksi perkongsian maklumat dan pengalaman beliau dalam bidang kepustakawanan. Lebih kurang 30 orang pustakawan USM, enam staf dari Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang dan seorang dari RECSAM telah menghadiri ceramah ini. Tetamu khas yang turut hadir termasuk Dr. Paul Lim, Professor Kunjungan dari Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan dan En. Michael Friedel, pembantu penyelidik dari *College of Europe*. Dr. Paul Lim selaku penyelaras program tersebut telah dijemput untuk memberi penerangan ringkas tentang kepentingan program sarjana tersebut yang bakal nanti dapat melahirkan pakar-pakar dari

Malaysia mengenai Kesatuan Eropah.

En. John Miller juga telah diberi kesempatan melawat berbagai-bagai institusi dan tempat menarik di sekitar Pulau Pinang. Ianya dimulai dengan mengunjungi WorldFish Center di Batu Maung. Kunjungan ini amat menarik kepada beliau kerana beliau juga mempunyai latar belakang dalam bidang akuakultur.

Kemudian, beliau telah dibawa melawat Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang di Seberang Jaya. Beliau melahirkan rasa kagum apabila melihat rangkaian perpustakaan awam di seluruh negeri Pulau Pinang. Sterusnya beliau dibawa ke Perpustakaan Kampus Kejuruteraan di Nibong Tebal. Di sana, beliau telah diberi taklimat dan melawat sekitar perpustakaan sebelum diraikan oleh Timbalan Ketua Pustakawan, En. Mohd. Pisol Ghadzali di satu majlis makan tengahari.



En. John Miller menyampaikan ceramah bertajuk "World library saga" 15/3/2006




Kunjungan En. John Miller di Perbadanan Perpustakaan Awam Pulau Pinang 16/3/2006

MAJLIS PELANCARAN BUKU PENERBIT UNIVERSITI SAINS 2004-2005

Satu acara ilmu yang gilang-gemilang telah berlangsung pada 13 Jun 2005 di sebuah hotel terkemuka di George Town. Aktiviti itu adalah melancar dan merai para penulis dari staf USM. Sebanyak 33 tajuk buku yang merangkumi hampir semua bidang yang sedia ada di USM dilancarkan. Sudah tentunya ini merupakan satu kejayaan dan pencapaian besar bagi bukan saja penulis, ahli Jawatankuasa Penerbitan tetapi bagi staf Penerbit USM dan pihak pencetak. T.Y.T. Tun Dato' Seri Utama (DR.) Haji Abdul Rahman Haji Abbas, Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang telah sudi merasmikan acara itu. Antara tetamu kehormat pada malam itu terdiri daripada Profesor Dato' Dzulkifli Abdul Razak, Dato' Profesor Muhammad Idris Saleh, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Pembangunan), Sasterawan Negara Profesor Muhammad Haji Salleh dan Dato Anwar Fazal.

Sebahagian pustakawan USM telah dijemput hadir. Dalam persembahan pada majlis itu ada dibacakan beberapa nama staf yang telah menyumbang kepada penghasilan buku. Bagi sebuah buku mewah berjudul 'University Garden' nama *Ramli Abdul Samad* turut dinyatakan sebagai salah seorang staf yang telah menyumbang kepada buku berkenaan. Ini sudah tentunya satu penghormatan kepada profesion kepustakawan kerana beliau adalah seorang pustakawan dari Perpustakaan Hamzah Sendut.




disempurnakan oleh

T.Y.T. Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang

Hotel Shangri-La Pulau Pinang

13 Jun 2005 • 8:00 malam

Penyebaran Ilmu Melalui Penerbitan



Compromise:
The art of dividing a cake in such a way that everybody believes he got the biggest piece.

- Sherry Rothfield -

PERMURNIAN e-DOC

e-DOC yang merakam segala maklumat ISO perpustakaan dimurnikan dalam satu bengkel yang dihadiri oleh para pustakawan Perpustakaan Universiti Sains Malaysia. Bengkel itu telah diadakan pada 27 Jun 2006 di Bilik Pelbagaiguna 2 di Perpustakaan Hamzah Sendut Dua. Bengkel selama satu hari suntuk itu telah mengemaskinikan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) Perpustakaan. Ini adalah selaras dengan perubahan dan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh setiap Bahagian dalam

Perpustakaan yang terlibat dalam aktiviti proses dan perkhidmatan Perpustakaan. Tujuan permurnian e-DOC adalah untuk memastikan pendokumentasian SPK itu lengkap dan sempurna sebelum Perpustakaan melaksanakan Audit Dalaman.



MS ISO 9001:2000 REG. NO. AR 2448

BERILMU, AMANAH, PROGRESIF

BERILMU, AMANAH, PROGRESIF



Latihan Sangkut PSZ, UTM

Oleh: Radia Banu Jan Mohamad & Husriati Hussain

Pada bulan September lalu, kami diberi peluang mengikuti satu program latihan sangkut di Perpustakaan Sultanah Zanariah, Universiti Teknologi Malaysia, Johor. Program ini dibiayai oleh Unit Latihan, Universiti Sains Malaysia (USM), anjuran Jawantankuasa Latihan Bersama Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia (JALUMA). JALUMA menganjurkan program sangkut untuk pegawai pentadbiran antara IPTA di Malaysia sebagai suatu usaha berkongsi pengetahuan dan kemahiran.

Perpustakaan Sultanah Zanariah (PSZ) dipilih sebagai lokasi untuk menjalani latihan sangkut ini kerana ia telah diumumkan sebagai pemenang Anugerah Perpustakaan Cemerlang PPM/Sponsor (Kategori Perpustakaan Sederhana/Besar) pada tahun 2005. Kami berada di sana selama lima hari mulai dari 11 hingga 15 September 2006.

Latihan sangkut ini mempunyai beberapa objektif, antaranya seperti berikut:

- Untuk membuat penandaarasan dan mengambil kira inovasi yang boleh dicontohi dan dipraktikkan di Perpustakaan USM
- Untuk mempelajari dan memantapkan lagi pengendalian Perpustakaan serta mengenal pasti teknologi sedia ada di PSZ
- Untuk memerhati dan menghayati program/aktiviti yang terdapat di PSZ memandangkan PSZ telah memenangi Anugerah Perpustakaan Cemerlang 2005 (Excellent Library Award 2005).

Kami tiba di PSZ pada 11 September 2006 jam 8.00 pagi. Kami berjumpa dengan Ketua Pustakawan PSZ, iaitu Puan Kamariah Nor Mohd. Desa untuk pengenalan diri dan taklimat ringkas selama lebih kurang 30 minit. Selepas itu kami berjumpa dengan Puan Noraziah Sharuddin, Ketua Jabatan Perkhidmatan Maklumat untuk berbincang tentang skop latihan sangkut dan penyusunan jadual. Skop jadual kami meliputi bahagian berikut:

i. Bahagian Media & Pengkatalogan

Untuk memerhati dan mempelajari tentang pengurusan, pengkatalogan dan promosi koleksi media, mengenal pasti teknologi terkini serta cara penyimpanan dan pemuliharaan bahan.

ii. Bahagian Rujukan & Sirkulasi

Untuk memerhati dan mempelajari tentang program pendidikan pengguna/literasi maklumat, promosi Perpustakaan serta maklumat perkhidmatan elektronik Perpustakaan yang melibatkan akses dan latihan pangkalan data langganan, dalaman serta projek-projek pendigitalan lain yang terdapat di Perpustakaan PSZ.



Perpustakaan Sultanah Zanariah

Unit Media, Pemeliharaan & Pemuliharaan

Jabatan Sokongan Penyelidikan

Program Hari PSZ Bersama Fakulti

Kami mempunyai program yang padat bermula dari jam 8:00 pagi hingga 5:00 petang seperti berikut:

Tarikh	Program
11.09.06	Jabatan Pembangunan Sumber <ul style="list-style-type: none"> • Unit Pengurusan Teknikal • Unit Pengurusan Dokumen Digital Fasilitator: En. Anuar Talib dan Pn. Noraini Yahya
12.09.06	Jabatan Sokongan Penyelidikan <ul style="list-style-type: none"> • Unit Perkhidmatan Pangkalan Data • Unit Bantuan Penyelidikan Fasilitator: Pn. Siti Nisrin Mohd. Anis dan En. Yahya Pakih
13.09.06	Jabatan Pengurusan Koleksi <ul style="list-style-type: none"> • Unit Media, Pemeliharaan & Pemuliharaan • Unit Sirkulasi • Unit Koleksi Khas Fasilitator: En. Mohd. Fuad Mohamed Yusof, Pn. Junaidah Isnain dan En. Nasir Ibrahim Mengikuti Program Hari PSZ Bersama Fakulti (Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Maklumat) oleh Pn. Siti Nisrin Mohd. Anis
14.09.06	Jabatan Perkhidmatan Maklumat <ul style="list-style-type: none"> • Unit Runding Maklumat • Unit Pengurusan Maklumat • Unit Promosi Fasilitator: Cik Haslina Othman, Pn. Zurina Rosmani, Pn. Nor Hafiza Daud Kaiyin, Pn. Zafarina Dol, Cik Muzaimah Mohd. Yunus, Cik Salina Shamshuri dan Cik Nazrinda A. Samah
15.09.06	<ul style="list-style-type: none"> • Library Tour oleh Pn. Hazara Sulaiman • Lawatan ke Perpustakaan Pusat Kecemerlangan CEPP (Chemical Engineering Pilot Plant/Pusat Sumber Loji Pandu) oleh Pn. Siti Nisrin Mohd. Anis • Mengumpul data dan mengambil gambar di sekitar PSZ

Walaupun jadualnya padat, sempat juga kami "sambil menyelam minum air". Kami mengambil kesempatan sebaik selepas seharian berada di PSZ untuk menikmati pemandangan indah sekitar bandar Johor Bahru, terutamanya di Danga Bay. Kami terkilang sedikit kerana tidak dapat menikmati makan angin sambil belayar di Danga Bay kerana keadaan cuaca ketika itu tidak mengizinkan. Kami juga tidak melepaskan peluang untuk menikmati makanan tradisi negeri Johor, seperti Laksa Johor, Tauhu Bakar, masakan tempe dan sebagainya.

Sememangnya negeri ini mempunyai daya tarikan yang tersendiri.

Perjumpaan bersama pustakawan-pustakawan dari PSZ telah memberi kami peluang untuk bertukar-tukar fikiran dan mewujudkan jalinan rangkaian sesama pustakawan di situ. Puan Noraziah berpesan, "Bawa balik yang baik-baik dan tinggalkan sahaja yang tidak baik di sini". Jadi kami telah mengenal pasti beberapa perkara yang baik di PSZ yang perlu diberi perhatian dan patut dicontohi. Antaranya adalah dari segi kemajuan teknologi yang ada di PSZ, sikap pustakawan yang sangat proaktif terhadap pengguna, sikap agresif dalam memasarkan produk dan perkhidmatan mereka sehingga memperoleh pengiktirafan dari UTM, latihan sistematik yang diberi kepada pengguna, penjenamaan perpustakaan dan budaya atau etika kerja staf yang komited terhadap tugas.

Keseluruhannya, program ini telah mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan oleh JALUMA. Kami berharap program seperti ini dapat diteruskan lagi pada masa akan datang kerana ia amat berfaedah serta banyak pengetahuan dan pengalaman yang boleh diperolehi dan dipelajari. Secara tidak langsung juga jalinan kerjasama antara pustakawan dapat dieratkan lagi dan mewujudkan kesefahaman yang berkekalan.

**Jauh berjalan luas pemandangan,
Luas pemandangan banyak pengalaman;
Banyak pengalaman banyak juga pengetahuan,
Pengalaman dan pengetahuan mewujudkan
penambahbaikan yang berterusan...**



Makmal Komputer PSZ

Meja Penasihat Pelanggan PSZ

CEPP (Chemical Engineering Pilot Plant/Pusat Sumber Loji Pandu)



(1) **Saudara Mohd Hazlee Abdul Halil**, anak kelahiran Pulau Pinang mula berkhidmat dengan Perpustakaan Hamzah Sendut pada 1 Ogos 2003. Beliau sekarang betugas di Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan sebagai Pembantu Am Rendah.

Selain menjalankan tugas rasmi, beliau sempat memberi perhatian pada sukan. Mohd Hazlee kini mencebur dalam sukan bola tampar dan sudah mewakili Universiti Sains Malaysia (USM) sejak tahun 2004. Dalam penglibatan beliau dalam sukan ini telah membawanya ke Kuala Lumpur dan beberapa tempat di luar Pulau Pinang semasa bertanding dengan pasukan antara Universiti. Sebelum itu Hazlee, nama akrabnya pernah aktif dalam sukan bola sepak. Hazlee juga mewakili Jabatan dalam sukan bola sepak dan sepak takraw. Tidak lama lagi Encik Hazlee akan menamatkan zaman bujangnya.



(2) **Saudari Salasiah Zakaria** berasal dari Baling Kedah. Sebelum bekerja dengan USM, beliau berkhidmat dengan sebuah syarikat Matsushita Elektronik Malaysia di Sungai Petani, selama 7 tahun. Beliau mula berkhidmat dengan Perpustakaan Hamzah Sendut pada Jun 2003 sebagai juruteknik di Bahagian Automasi.

Beliau selain suka membaca, menonton juga berminat dengan sukan. Sukan yang paling diminatnya ialah bola jaring. Beliau juga aktif dalam sukan seperti kayak, olahraga dan futsal.

Percaya atau tidak, Cik Salasiah mewakili USM bagi tiga sukan iaitu bola jaring, futsal dan kayak. Setiap tahun beliau akan pergi ke beberapa tempat seperti di UKM, UPM dan UM untuk bertanding dalam bahagian sukan tersebut. Bagi sukan kayak beliau pernah mewakili negeri Pulau Pinang di Kejohanan Sukan Antara Kakitangan Kerajaan di Putrajaya pada tahun 2004. Ketika itu beliau sempat ke peringkat akhir. Bagi sukan futsal pula beliau berjaya sampai ke tahap

separuh akhir pada Kejohanan Futsal anjuran Alumni USM dan Unit Sukan USM. Beliau adalah antara segelintir staf wanita Perpustakaan yang aktif dalam sukan.



(3) **Saudara Kamarudin Bidin** ialah staf lama Perpustakaan. Kini bertugas di Bahagian Media. dan sudah 33 tahun setia dengan USM. Dari segi sukan beliau bukan muka baharu malah telah melibatkan diri dalam bidang itu sejak mula bekerja lagi. Sepanjang 33 tahun selain menjalankan tugas rasmi sebagai juruteknik beliau menumpukan pada sukan bola sepak. Beliau telah mewakili USM sejak mula bekerja selama 20 tahun. Pada tahun 1980-an saudara Kamarudin mewakili pasukan Melayu Pulau Pinang (*Penang Malay*) selama dua tahun. Kemudiannya saudara Din, (nama glamornya) telah dimakan usia tetapi masih mewakili USM bagi kategori veteran.

Selain itu, beliau kini merupakan jurulatih bagi pasukan veteran bola sepak USM. Oleh sebab beliau aktif dalam sukan beliau tidak nampak berusia seperti umurnya. Beliau masih kelihatan sihat dan boleh tahan (masih ada 'power') untuk sekurang-kurangnya 20 tahun lagi.



(4) **Saudara Nor Adzam Baba** telah berkhidmat selama 22 tahun dengan Perpustakaan USM. Mula-mula ditugaskan di 'Red Spot', Malaysia dan Arkib dan akhirnya di Perpustakaan Hamzah Sendut 2 sebagai Pembantu Perpustakaan Kanan. Beliau juga aktif dalam sukan khasnya bola tampar. Beliau bukan saja seorang pemain bola tampar mewakili USM pada tahun 1985-2002 tetapi menjadi Ahli Jawatankuasa Kelab Sukan Staf USM pada tahun 1994 hingga kini. Tambahan lagi beliau ialah Pengurus dan Jurulatih Bola Tampar Staf USM bermula pada tahun 1994 sampai ke saat ini.

Saudara Nor Adzam dilahirkan di Padang Serai, Kedah 47 tahun yang lalu kini mempunyai 3 orang puteri dan dua orang putera dan seorang isteri bernama Puan Noor Sham Darus. Isterinya ialah seorang suri rumah tangga sepenuh masa. Penglibatan Nor Adzam dalam sukan pada peringkat universiti seterusnya adalah sebagai Urus Setia Kontigen Staf pada Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti/IPT Malaysia selama dua tahun.

Pada peringkat negeri beliau dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Lembaga Pengadil Bola Tampar Pulau Pinang sejak tahun 2000 hingga kini. Beliau juga menjadi pengadil Bola Tampar Negeri pada tahun 1992 sampai sekarang.

Beliau mengecapi penghargaan pada peringkat kebangsaan juga. Misalnya beliau ialah Ahli Persatuan Bola Tampar Amatur Malaysia sejak tahun 1994.

Sejak tahun 1994 sehingga kini beliau juga ialah pengadil kepada Bola Tampar (Indoor/Hard Court) Kebangsaan sementara itu juga beliau adalah pengadil Bola Tampar Pantai (Beach Volleyball) pada peringkat kebangsaan mulai tahun 2006.

Meskipun bergiat aktif dalam bidang sukan, beliau mempunyai satu kegemaran, iaitu membersihkan halaman rumah dan membuat kerja-kerja pertanian kecil.



(5) **Saudara Phuah Seng Tat** ialah anak Pulau Pinang. Dilahir, dibesar, bersekolah, bekerja mungkin selamanya di Pulau Pinang. Beliau masih bujang dan telah berkhidmat dengan USM sejak 1980, maknanya sudah 26 tahun taat setia dengan USM. Kini bertugas sebagai jawatan Pembantu Am Rendah Kanan di Perpustakaan Hamzah Sendut 1.

Saudara Phuah juga adalah seorang staf yang aktif dalam sukan. Beliau memilih pendayung perahu sebagai sukan kegemarannya. Tidak ramai staf yang aktif dalam sukan memilih jenis sukan ini. Beliau telah berkecimpung dalam bidang berkenaan bermula pada tahun 1980 sampai saat ini. Beliau telah mewakili negeri Pulau Pinang dan juga kelab-kelab mendayung di pulau Mutiara ini.

Selama penglibatannya dalam sukan mendayung beliau mendapat peluang ke beberapa negara luar semasa menyertai pelbagai pertandingan. Saudara Phuah telah diberi peluang ke Hong Kong, Thailand, Singapura, Macau dan China. Tahap paling tinggi beliau menyertai dalam sukan mendayung ialah peringkat akhir "Final Hong Kong Boat Race" yang diadakan pada tahun 1987. Pertandingan itulah yang menjadi memori yang tidak mudah beliau lupai. Kesemuanya beliau telah menyertai 7 acara mendayung pada peringkat antarabangsa.

Sekarang meskipun telah mencecah usia 46 tahun, Phuah masih lagi aktif walaupun tidak sebegitu aktif jika dibandingkan dengan 10 tahun yang lalu. Bagaimanapun bak kata pepatah jika seseorang itu banyak merantau, banyak pengalamannya. Sesiapa yang ingin mengetahui pengalaman hidup dan sukan berdayung bolehlah merujuk kepada Phuah.



(6) **Saudara Muralisan a/l Nadesan** ialah anak Pulau Pinang yang dilahirkan di Sungai Gelugur pada 4 Mac 1976. Sebelum bertugas dengan USM, beliau bekerja dengan syarikat Hewlett Package selama empat tahun dan kemudian itu dengan Intel Tecknology selama empat tahun juga sebagai operator pengeluaran. Kini sudah enam tahun bertugas dengan Perpustakaan USM sebagai Pembantu Am Rendah di Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Pengembangan.

Sepuluh tahun dahulu beliau pernah aktif dalam sukan tinju. Pernah mewakili negeri dalam sukan berkenaan. Beliau hampir terpilih mewakili negara ke sukan Komanwel pada tahun 1998. Beliau puas bertinju dan berpeluang ke merata tempat untuk bertanding seperti Bangkok, Indonesia dan Singapura meskipun tidak pernah mendapat pingat emas. dan paling tinggi pencapaian yang pernah diraih ialah pingat gangsa saja, iaitu tempat ketiga dalam Pertandingan Tinju Remaja Asia pada tahun 1996.

Sekarang beliau tidak kuat seperti 10 tahun dahulu, tidak lagi bertinju tetapi menjadi pengadil dan hakim pada peringkat negeri. Kini sudah lima tahun menjadi pengadil dan hakim tinju.

PENGKISAHAN KOLEKSI SASTERAWAN NEGARA PROFESOR MUHAMMAD HAJI SALLEH



Disumbangkan oleh:
Omar Yusoff

Bahagian Malaysiana dan Arkib yang ditubuhkan pada tahun 1982, telah dapat menambahkan satu lagi koleksi di bawah Koleksi Khas/Persendirian, iaitu Koleksi Sasterawan Negara. Perancangan untuk menambahkan koleksi ini telah pun bermula sejak tahun 2004. Dua tahun selepas perancangan ini, Perpustakaan Hamzah Sendut telah menerima koleksi peribadi Sasterawan Negara Profesor Muhammad Haji Salleh.

Koleksi peribadi Profesor Muhammad Haji Salleh dianggarkan melebihi 2,000 bahan, terdiri daripada buku, majalah, tesis dan lain-lain. Buku-buku yang diserahkan bukan sahaja terdiri daripada buku-buku sastera, tetapi juga dalam pelbagai bidang seperti pengurusan, antropologi, sosiologi, falsafah, linguistik, sejarah dan bidang-bidang lain. Buku-buku yang diserahkan terdiri daripada pelbagai bahasa.

Pada 21 dan 22 September 2005, koleksi peribadi Profesor Muhammad Haji Salleh telah

dipindahkan dari kediaman beliau di Kajang, Selangor ke Perpustakaan Hamzah Sendut. Setelah buku-buku beliau sampai ke Bahagian Malaysiana dan Arkib, kerja-kerja pencucian kering mula dijalankan oleh dua orang staf daripada Pusat Penyelidikan Arkeologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia. Sebaik sahaja pencucian kering dilakukan kerja-kerja pemprosesan bahan mula dijalankan oleh staf di Bahagian Malaysiana dan Arkib, Bahagian Bahan-Bahan Bersiri dan Dokumen, dan Bahagian Perolehan dan Proses Teknik.

Dalam usaha untuk mengenang jasa baik Profesor Muhammad Haji Salleh kerana menyerahkan koleksi peribadi beliau kepada Perpustakaan Hamzah Sendut, satu Majlis Penyerahan Koleksi Sasterawan Negara Profesor Muhammad Haji Salleh telah diadakan pada 3 April 2006. Majlis ini bertemakan "Sasterawan Negara Penggerak Generasi Bertamadun". Upacara penyerahan koleksi ini dibuat secara simbolik, dengan ditandatangani oleh Profesor

Muhammad Haji Salleh dan Y. Bhg. Dato' Naib Canselor.

Satu pameran turut juga diadakan yang mengisahkan kehidupan Profesor Muhammad Haji Salleh sebagai seorang penggeledah sastera dunia. Barang-barang yang dipamerkan termasuklah mesin taip lama yang mula digunakan oleh Profesor Muhammad Haji Salleh ketika beliau mula menjadi pengarang, komputer riba yang digunakan oleh beliau sekitar tahun 1980-an dan 1990-an, alat-alat menulis beliau seperti pen, pensil dan sebagainya, manuskrip buku dan sajak beliau, sajak pertama dan sajak-sajak lain yang ditulis oleh Profesor Muhammad Haji Salleh, koleksi fiksiyen beliau, gambar foto lama, Vite Kurikulum dan lain-lain. Pameran ini berjaya memikat hati para jemputan.

Mengimbas kembali ucapan yang disampaikan oleh Profesor Muhammad Haji Salleh, bertajuk "Pengakuan Seorang Pengumpul Buku", ternyata bahawa beliau adalah "ulat buku".



Barang-barang yang dipamerkan diletakkan di bawah Anjung Sasterawan Negara Profesor Muhammad Haji Salleh yang dibuat khas untuk beliau. Di samping itu, untuk menceriakan majlis, persembahan multimedia dan deklamasi sajak turut diadakan. Deklamasi sajak bertajuk "Doa", karya Profesor Muhammad Haji Salleh telah disampaikan oleh Encik Abdul Rahim Derani. Selain itu, koleksi peribadi dan karya-karya Sasterawan Negara Profesor Muhammad Haji Salleh turut juga dipamerkan di ruang legar Bahagian Malaysiana dan Arkib, dan di Tingkat Satu Perpustakaan Hamzah Sendut 2. Rakaman temu bual Profesor Muhammad Haji Salleh dengan pelajar-pelajar beliau, turut juga ditayangkan melalui komputer. Sesi temu bual ini turut juga menarik minat Y. Bhg. Dato' Naib Canselor dan isteri, iaitu Y. Bhg. Datin Masrah Haji Abidin dan tetamu kehormat yang hadir termasuk Profesor Muhammad Haji Salleh dan keluarganya sendiri.

Mengimbas kembali ucapan yang disampaikan oleh Profesor Muhammad Haji Salleh, bertajuk "Pengakuan Seorang Pengumpul Buku", ternyata bahawa beliau adalah "ulat buku". Ia terpancar atas minatnya menggeledah buku-buku akademik di setiap negara yang dilawatnya seperti Singapura, Indonesia, Thailand, London, Britain, Eropah Barat dan negara-negara lain. Begitu

juga semasa beliau masih menuntut di luar negara.

Ketekunan dan minat yang ditunjukkan, tentulah tidak mustahil dengan jumlah buku yang diserahkan oleh Profesor Muhammad Haji Salleh kepada Perpustakaan Hamzah Sendut. Oleh itu, adalah menjadi harapan dengan adanya penambahan khazanah ilmunya ini, ia berupaya mengembangkan dan menyuburkan "taman ilmu" yang ingin direalisasikan oleh Universiti Sains Malaysia khususnya Perpustakaan Hamzah Sendut. Hal ini digambarkan daripada serangkap pantun yang disampaikan oleh Pengarah Projek Puan Siti Roudhah Mohamad Saad, iaitu:

*Mari menyusun si bunga Melati,
Melati disusun di atas para;
Sungguh bertuah rasa di hati,
Mendapat koleksi Sasterawan
Negara.*

Insya-Allah semoga pada masa akan datang Bahagian Malaysiana dan Arkib akan terus berusaha memperkaya lagi Koleksi Khas/Persendirian seperti Koleksi Naib Canselor, Koleksi Hamdan Shaik Tahir dan lain-lain yang boleh menyumbang kepada pemeliharaan khazanah ilmu.





GEJALA SPAM TERUS MENINGKAT

Oleh: Ramli Abdul Samad

Spam atau bermaksud penghantaran emel bertubi-tubi atau emel sampah semakin membolosi komputer pribadi manusia. Ia tidak diundang sama sekali, namun tetap akan memasuki akaun emel seseorang itu dan menimbulkan masalah. Jenuh seseorang untuk membuka, membaca dan memadamnya. Betapa beratnya masalah spam ini? Sebuah perusahaan anti-virus dan sofwer Trend Micro yang beribu pejabat di Tokyo, Jepun telah membuat kajian dan mendapati aktiviti spam kini kian meningkat. Misalnya pada tahun 2002 sebahagian besar emel yang beredar di emel individu itu adalah yang terdiri daripada spam. Dari segi angka ia bersamaan dengan 25 %. Pada tahun 2003, spam menyumbang sebanyak 50% dari keseluruhan kandungan emel dan pada tahun 2004 pula, sumbangan spam terhadap kandungan emel yang beredar menjadi 65 % dari semua pesan emel yang beredar.

Menurut perkiraan Trend Micro lagi, sehingga akhir 2006, hampir 80% dari email yang beredar adalah emel berstatus spam. Spam membawa pesan-pesan seperti iklan yang tidak diinginkan, ada yang membawa mesej bersifat pelbagai ancaman dan ada juga yang memuatkan mesej ancaman seperti virus, cecacing, *adware*, *spyware* serta *email phishing*. *Phising* bermaksud meminta kata laluan atau butir kad kredit anda.

Apa yang menarik adalah pertumbuhan spam ini turut dipicu oleh semakin murah dan mudahnya akses internet, terutama dengan penurunan harga internet jalur lebar dan hotspot wayarles. Perkembangan ini baik tetapi kesan sampingannya seperti membanjirnya spam boleh melelahkan seseorang pengguna komputer itu.

Pengirim spam kerap menggunakan email terselindung sebagai sarana untuk menjebak agar penerimanya membuka emel atau lampiran yang dikepilkan. Emel dengan topik yang menarik perhatian orang seperti berita sensasi tentang seorang selebriti, cerita cinta, lelucon dan berita yang sedang hangat, kerap dijadikan jebakan untuk menarik minat pengguna komputer. Parahnya, sebagian pengguna akan meneruskan emel seperti ini ke banyak temannya, sehingga

meningkatkan jumlah emel spam.

Pengirim spam pun semakin canggih dalam melaksanakan tindakannya. Mereka berupaya menerobos penapis-penapis antispam. Mereka sudah mempelajari teknik-teknik mengatasi anti-spam. Mereka seolah-olah bekerjasama dengan perusahaan penyedia antispam yang berupaya mengembangkan kemampuan penapisan anti-spamnya.

Selain masalah membanjirnya emel sampah atau *junk mel*, spam juga membawa banyak pesan yang mengandungi unsur penipuan dan *phishing*, sehingga menyebabkan kerugian pada penerima emel yang kurang waspada atau dhaif.

Dari mana asal spam dan siapa sasarannya?

Spam dapat dikategorikan menjadi spam sama ada yang berbahasa Inggeris mahupun bukan-Inggeris, yang secara global komposisinya adalah dalam nisbah 50:50. Sebagian besar spam bukan-Inggeris berasal dari Asia. Sedangkan spam berbahasa Inggeris pula dikirimkan dari berbagai-bagai negara, terutama dari wilayah Amerika Utara dan Eropah.

Pada bulan Oktober tahun 2005, Amerika Syarikat menduduki tempat pertama negara dengan angka spam tertinggi di dunia. Hal ini mungkin terjadi kerana membludaknya transaksi dalam talian berkaitan hiburan. Lagi pula, menurut data, orang Amerika paling sering belanja dalam talian, dengan jumlah transaksi sekitar AS26.23 bilion dolar pada suku keempat 2005, meningkat dari AS 21.52 bilion dolar pada tempoh yang sama pada tahun 2004.

Pada bulan September 2005, AS berada di bawah kedudukan Korea Selatan dan China dalam daftar negara asal spam. Switzerland terkeluar dari daftar sepuluh besar dan digantikan oleh Persekutuan Rusia. Negara-negara lain tetap berada pada tempatnya semula.

Berdasar data yang diperolehi Trend Micro, spam yang berhubungan dengan aspek komersial dan kewangan terus merupakan bahagian terbesar dari jumlah spam selama musim hiburan. Spam yang berhubungan dengan pornografi dan kesihatan, bagaimanapun secara nisbah didapati menurun.

Kategori produk atau khidmat dari jenis apa yang biasanya dikaitkan dengan spam? Trend Micro mengkategorikan sebagian besar emel spam yang masuk ke dalam *inbox* komputer anda adalah sebagai berikut:

- Produk-produk komersial, sebagian besar produk dan khidmat yang dijual seperti ubat-ubatan, jam tiruan berjenama seperti Rolex
- Kewangan, contohnya insuran, evaluasi ulang kredit, pelaburan termasuk jual beli saham, dan peluang-peluang berjudi
- Penipuan seperti dalam aktiviti *phishing*, penipuan wang, pemasaran pelbagai peringkat dan skema bagaimana anda boleh menjadi jadi kaya secara mendadak
- Perubatan, contohnya produk kecantikan termasuk anti penuaan dan ubat menurunkan berat badan, ubat atau operasi pembesar organ tubuh tertentu, pembelian ubat-ubatan dalam talian dan khidmat pelbagai pesan
- Pribadi, contohnya mencari pasangan atau teman hidup melalui internet, memperoleh diploma universiti dalam talian, penawaran insuran nyawa, memperoleh kenderaan, dan skema bekerja dari rumah
- Pornografi
- Judi

Kategori lain termasuk sentimen-sentimen berbau ras, kerohaniah, kesihatan dan yang mengandungi *malware*. Jadi, apakah anda termasuk orang yang sering memperoleh emel spam? Emel spam boleh mempersonakan seseorang itu khasnya yang tidak mempunyai banyak pengalaman hidup. Emel spam memancing dan memujuk emosi. Jeratnya hanya diketahui setelah kita mengambil keputusan mengikuti arahan yang diberi. Jadi apa seharusnya kita buat terhadap asakan emel spam ini? Ada beberapa cara untuk menangkalnya, termasuk dengan memasang sofwer anti spam yang boleh dibeli di pasar. Tetapi apa yang paling penting adalah TIDAK ENDAHKAN spam itu dan JANGAN SEKALI memberikan alamat emel anda, baik di dunia nyata mahupun yang dalam talian.



RENUNGLAH SEJENAK

Oleh: Syazwani Othman
Penerbit USM

**Cuba kau lihat dengan mata mu
Cuba kau tembusi minda mu
Dengan atas kebenaran dan kekuatan
Oleh mata hati mu,**

**Renungilah sejenak arah matlamat mu
Arah perjalanan hidup mu
Ke arah mana diri mu diletak
Apakah ke puncak kejayaan
Atau ke dasar kemusnahan,**

**Renungilah sejenak akan kemusnahan
Diri mu seketika
Kegelapan bakal menimpa
Kehancuran bakal menjelma
Hanya yang tinggal kedukaan,**

**Jangan biarkan dirimu hanyut
Oleh arus airmata duka
Musnahkan segala kehancuran
Terangilah hidup mu semula,**

**Bangunlah dari lena mu
Mengejak kemilauan cahaya
Yang gemilang**

**Janganlah hidup mu penuh khayalan
Yang tak pasti ada kesudahan
Umpama meniti di atas buih
Lautan yang bergelombang.**

TIRAI 2006 AKAN BERLABUH.
JENDELA MENGUCAPKAN
SELAMAT TINGGAL KEPADANYA
DAN MENGALU-ALUKAN
KEHADIRAN
TAHUN BAHARU 2007
KEPADA SEMUA PEMBACA
JENDELA.

SEMOGA BERJUMPA LAGI

SIDANG EDITORIAL

Penasihat

Sofiah Hashim

Ketua Editor

Ramli Abdul Samad

Editor Bahasa

Salamiah Mat Shah

Editor Penyelaras

Husriati Hussain

Juru Foto

Noorazilan Noordin

Kamarudin Bidin

Abdul Rahim Ahmad Ludin

Kartunis

Kirubananthan

Edaran

Noor Zuryanti Umar Zuki

JENDELA Diterbitkan Oleh
Perpustakaan Universiti Sains Malaysia
11800 Minden, Pulau Pinang

Telefon : 04-6533888 sambungan 3705, 3720

Faks : 04-6571526

E-mel : jendela@pustaka.usm.my

URL: <http://www.lib.usm.my/elm-equip/jendela.jsp>



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA



MS 153:990:2000 (REV. NO. 48, 2418)

Sekiranya anda mempunyai sebarang idea untuk disumbangkan sama ada dalam bentuk rencana, laporan atau komen, sila ajukan kepada Sidang Editorial melalui e-mel atau yang beralamat di atas.—Editor

BERILMU, AMANAH, PROGRESIF